



# LAPORAN TAHUNAN

# 2021

INSTITUT  
KOPERASI  
MALAYSIA

[www.ikm.edu.my](http://www.ikm.edu.my)

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA



# KANDUNGAN

HALAMAN  
**06**  
PERUTUSAN  
MENTERI  
PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN  
KOPERASI

HALAMAN  
**18**  
PROFIL  
KORPORAT

HALAMAN  
**78**  
LAPORAN  
PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN  
IKMA 2021

HALAMAN  
**82**  
PENYATA  
KEWANGAN &  
NOTA JEMAAH  
MENTERI

HALAMAN  
**14**  
PERUTUSAN  
PENGURUSI LEMBAGA  
PENGARAH INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA

HALAMAN  
**28**  
TENTANG  
KAMI

HALAMAN  
**78**  
LAPORAN  
PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN


HALAMAN  
**134**  
LENSA IKMA

HALAMAN  
**10**  
PERUTUSAN  
KETUA PENGARAH  
INSTITUT KOPERASI  
MALAYSIA

HALAMAN  
**44**  
LAPORAN SUMBER  
MANUSIA DAN  
KEMUDAHAN  
INFRASTRUKTUR

HALAMAN  
**82**  
LAPORAN  
ANAK SYARIKAT







# **PERUTUSAN MENTERI**

PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN  
KOPERASI



**“ Tanpa modal insan koperasi yang berdaya saing dan kompeten, koperasi tidak akan mampu berada di atas landasan yang digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) dan juga Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM).**

**YB TAN SRI NOH  
BIN HAJI OMAR**  
Menteri Kementerian  
Pembangunan  
Usahawan dan  
Koperasi (KUSKOP)



# PERUTUSAN MENTERI

## PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

**Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

**A**lhamsudillah, dengan keizinan Allah SWT, Laporan Tahunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) 2021 berjaya diterbitkan. Tahniah kepada IKMa kerana telah berjaya menyempurnakan Laporan Tahunan 2021. Pencapaian ini menjadi tanda aras kepada kejayaan IKMa dalam melaksanakan fungsi serta peranannya bagi melahirkan lebih ramai koperator yang dinamik dan berdaya saing.

Pada tahun ini IKMa telah melakar sejarah tersendiri apabila berjaya menubuhkan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM). Saya percaya, peranan IKMa dalam pembangunan modal insan dan kompetensi anggota koperasi akan terus dapat dipertingkatkan melalui penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia ini.

Sebagai sebuah Institusi Latihan dan Pendidikan Koperasi, peranan dan sumbangan IKMa dalam memastikan koperasi terus kekal relevan dalam menyumbang kepada pendapatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sangat penting. Sambutan 100 Tahun Koperasi pada tahun ini, benar-benar menyerlahkan peranan IKMa dalam pembangunan modal insan koperasi di negara ini. Tanpa modal insan koperasi yang berdaya saing dan kompeten, koperasi tidak akan mampu berada di atas landasan yang digariskan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) dan juga Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM). IKMa perlu menghayati realiti dan aspirasi nasional untuk terus inovatif dan kreatif bagi merealisasikan impian ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.

Saya berharap IKMa akan terus cemerlang dalam menyalurkan ilmu dan mendorong koperasi meningkatkan kemahiran, kepakaran dan profesionalisme modal insan melalui program-program pembangunan kapasiti yang bersesuaian dengan keperluan masa kini dan juga akan datang. Akhir kata, semoga terbitan Laporan Tahunan IKMa 2021 ini menjadi sumber rujukan dan bermanfaat kepada masyarakat dan khususnya koperasi.

Sekian, terima kasih.

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**

Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)





# **PERUTUSAN**

PENGERUSI LEMBAGA  
PENGARAH INSTITUT  
KOPERASI MALAYSIA



**Institut Koperasi  
Malaysia telah  
mewujudkan pelbagai  
program berkaitan  
digitalisasi sebagai  
menyahut seruan  
kerajaan supaya sektor  
koperasi juga berhijrah  
ke arah digitalisasi  
dalam memperkasa  
urusan pentadbiran  
dan kegiatan ekonomi  
yang dijalankan  
oleh koperasi**

**YBHG. DATUK  
WIRA (DR.) ROSLI  
BIN MAT HASSAN**  
Pengerusi Lembaga  
Pengarah  
Institut Koperasi  
Malaysia



# PERUTUSAN

## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH IKMa

Saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Institut Koperasi Malaysia tetap utuh berdiri sebagai sebuah institusi latihan dan pendidikan koperasi di Malaysia. Saya bersyukur masih diberi kesempatan berada di institusi kebanggaan gerakan koperasi Malaysia sebagai Pengerusi Institut Koperasi Malaysia.

Sebagai sebuah institusi yang berdaya saing dan dinamik, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sentiasa peka dengan keperluan semasa gerakan koperasi. Dari tahun ke tahun IKMa berusaha memperbaharui bentuk program latihan dan pendidikan koperasi yang bukan hanya tertumpu kepada koperasi dewasa malah juga memberi perhatian seimbang kepada koperasi yang dipelopori oleh generasi muda.

Justeru, selaras dengan teras kedua misi Nasional Negara 2006 - 2020, IKMa komited dalam melahirkan modal insan koperasi yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi bersikap progresif dan berfikiran kritis dengan sasaran kerajaan untuk melonjakkan kualiti pendidikan tinggi dan dalam masa yang sama dapat melahirkan barisan kepimpinan dan pengurusan koperasi yang berdaya saing melalui penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).


Disamping itu, Institut Koperasi Malaysia telah mewujudkan pelbagai program berkaitan digitalisasi sebagai menyahut seruan kerajaan supaya sektor koperasi juga berhijrah ke arah digitalisasi dalam memperkasa urusan pentadbiran dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi

Pendedahan dan bimbingan daripada Institut Koperasi Malaysia ini bakal memberikan impak yang besar kepada gerakan koperasi mengenai bagaimana teknologi IR4.0 ini dapat membantu koperasi memacu pertumbuhan perniagaan melalui teknologi terkini seiring dengan keperluan dan kehendak semasa.

Melalui pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh IKMa ini, terutama penubuhan UKKM saya percaya ianya berupaya mencapai aspirasi kerajaan sekaligus membantu gerakan koperasi untuk menjadi penyumbang penting dalam pencapaian pembangunan dan ekonomi negara seterusnya menjadi peneraju dan pemangkin pembangunan modal insan intelek dan profesional dengan memiliki pengetahuan yang komprehensif dalam bidang keusahawanan koperasi.

**YBHG. DATUK WIRA (DR.) ROSLI BIN MAT HASSAN**

Pengerusi Lembaga Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia





# **PERUTUSAN**

KETUA PENGARAH  
INSTITUT KOPERASI  
MALAYSIA



“  
IKMa  
terus kekal  
relevan dalam  
pembangunan  
modal insan  
gerakan koperasi.  
”

**YBHG. DATUK  
MOHD ALI BIN  
MANSOR**  
Ketua Pengarah  
Institut Koperasi  
Malaysia (IKMa)

# PERUTUSAN

## KETUA PENGARAH INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

**A**lhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah dan rahmatnya, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah pun berjaya mengharungi tahun mencabar ini, mengikut seperti yang telah dirancangkan. Pelbagai usaha telah dipertingkatkan sejajar memastikan IKMa terus kekal relevan dalam pembangunan modal insan gerakan koperasi.

Saya bersyukur dan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua warga IKMa yang telah berusaha memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kita bagi tahun 2021 berjaya tercapai.

Untuk makluman semua, IKMa telah berjaya melaksanakan sebanyak 797 program latihan dan bimbingan sepanjang tahun 2021 dengan penglibatan seramai 30,852 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi dan bukan anggota. Pencapaian ini melebihi sasaran awal iaitu 22,160 peserta mengikut sasaran awal. Daripada jumlah itu, seramai 5,571 anggota lembaga koperasi telah hadir ke kursus yang dianjurkan. Sebanyak 270 buah koperasi yang telah melibatkan dalam kursus-kursus yang telah dianjurkan. Dari awal tahun 2021 hingga Disember 2021, seramai 4301 peserta yang telah terlibat dalam program-program yang memperkasa digitalisasi koperasi. Ini selari dengan matlamat terkini iaitu koperasi perlu melonjakkan pendapatan mereka melalui pelbagai bidang baru.

Dalam keadaan pandemik Covid-19, IKMa juga tetap terlibat lebih daripada 20 buah program antarabangsa termasuk program latihan MTCP, program ICA dan ICAAP dan banyak lagi. Penglibatan program antarabangsa ini dapat menyebarluas lagi perkongsian latihan dan ilmu koperasi sekaligus dapat meletakkan IKMa sebaris dengan pusat latihan koperasi di dunia.

Institut Koperasi Malaysia telah melancarkan akronim baharu sebagai IKMa adalah bertujuan untuk terus memperkuuh peranannya sebagai pusat latihan dan pembangunan modal insan tunggal koperasi di negara ini. Selaras dengan pindaan tersebut, IKMa akan terus agresif dalam menyediakan program latihan bagi membangunkan modal insan koperasi yang lebih kompeten dan berdaya saing dengan moto baharu, "Pencetus Minda Koperasi Negara."

Penjenamaan semula akronim amat penting agar IKMa diperkuuh sebagai Pusat Latihan Modal Insan Koperasi dalam merealisasikan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025.



IKMa sebagai institusi pendidikan dan latihan koperasi mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pusat kecemerlangan koperasi termasuk menjalankan khidmat konsultasi bagi membantu gerakan koperasi memajukan bidang keusahawanan yang mereka ceburi.

Segala usaha dan kerjasama yang disemai harus diteruskan oleh kakitangan yang menjadi tulang belakang mengerakkan IKMa selama ini. Usaha secara kerjasama ini adalah untuk mencapai kejayaan yang optima bagi semua pihak. Saya berharap usaha-usaha kerja berpasukan sesama warga IKMa dapat diteruskan bagi menggamit kecemerlangan dan juga dapat memastikan agar segalah amanah dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**YBHG. DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)



# MAKLUMAT KORPORAT

# LEMBAGA PENGARAH



**1 YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan**  
Pengerusi  
Institut Koperasi Malaysia

**3 YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor**  
Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia

**5 YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor**  
Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Institut Koperasi Malaysia

**2 YBhg. Datuk Haji Zazali bin Harun**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**4 YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

# LEMBAGA PENGARAH



6 **YBhg. Datuk Seri Hj. Abdul Fattah bin Hj. Abdullah**  
Presiden  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd

7 **YBrs En. Abdul Razak bin Abu Bakar**  
Ketua Pegawai Susulan & Kutipan  
Bank Rakyat

8 **YBhg. Dato' Dr. Hj. Yunus bin Rahmat**

9 **YBhg. Dato' Bastien bin Onn**

10 **YBrs. En. Bobby Balang**



# LEMBAGA PENGARAH



11 YBhg. Datuk Hj. Nasarruddin bin Dato' M. Zin

12 YBhg. Dato' Dr. Mohd Zaidi bin Md Zain @ Zakaria

13 YB Dato' Mohd Imran bin Tamrin

14 YBrs. En. Amin bin Mohd Shukor

15 YBhg. Datuk Zurihan bin Yusop

# Jawatankuasa Audit



**YBrs. En. Abdul Razak bin  
Abu Bakar - (P)**



**YBhg. Dato'Dr. Mohd Zaidi bin  
Md Zain @ Zakaria - (TP)**



**YB Dato' Mohd Imran  
bin Tamrin**



**YBrs. En. Ahmad Rashidi bin  
Abu Hasim**

# PENGURUSAN TERTINGGI



**En. Mohd Zaib bin Mat Yunus**  
Timb. Ketua Pengarah (PMI)



**Datuk Mohd Ali bin Mansor**  
Ketua Pengarah



**Pn. Hamidah binti Mohd Jos**  
Timb. Ketua Pengarah (P)

## BAHAGIAN



**Pn. Sharina binti Abdullah**  
Pengarah Kanan  
Dasar & Strategi



**Puan Sri Datin Sri  
Noraesyah binti Saari**  
Pengarah Kanan  
Keushawanan &  
Perniagaan



**Prn. Najmah binti  
Nawawi**  
Pengarah Kanan Pusat  
Pendidikan Tinggi



**En. Shebley Haslan bin  
Abdul Majid**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Perundingan  
Koperasi

# PENGURUSAN



**Pn. Nor Azila binti  
Md Tauhid**  
Pengarah Pentadbiran



**En. Shamsuri bin Salleh**  
Pengarah Kewangan &  
Pembangunan



**Pn. Nur Farazilla binti  
Mohd Arsal**  
Pengarah Unit  
Komunikasi Korporat



**En. Khairul Azmi bin  
Ismail**  
Ketua Unit Audit Dalam



**Pn. Rosidah binti  
Rashid**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Teknologi  
Maklumat



**Pn. Nor Azmawati binti  
Hj. Mohd Shafii**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Pengurusan  
Sumber Manusia



**Pn. Wan Nur'Ain binti  
Wan Abd Rahim**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Pembangunan  
Modal Insan



**Pn. Afiza binti Abdul  
Karim**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Tadbiran Am



**En. Mohd Zulkifli bin  
Sedik**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Kewangan &  
Perolehan



**En. Khairul Akmal bin  
Saim**  
Penolong Pengarah  
Kanan  
Unit Perkhidmatan  
Perpustakaan



**En. Muhd Nursharul  
Azri bin Mubarak**  
Ketua  
Unit Penyenggaraan &  
Kejuruteraan



**En. Datu Zahiruddin  
bin Datu Tambuyong**  
Ketua  
Unit Fasiliti & Sajian

# PUSAT



**Pn. Azlifah binti Abas**

Pengarah Pusat  
Teknologi Maklumat &  
Komunikasi



**Dr. Zurita binti Mohd  
Saleh**

Pengarah Pusat  
Antarabangsa & Kolabiasi



**En. Mohd Shahron  
Anuar bin Said**

Pengarah Pusat  
Penyelidikan



**Pn. Noor Zeeta binti  
Mohd Ramli**

Pengarah Pusat  
Pembangunan Koperasi



**En. Rasydi bin Abd.  
Rashid**

Pengarah Pusat  
Kewangan dan Akaun



**Pn. Noranita binti  
Mohd Nor**

Pengarah Pusat  
Pengurusan Perniagaan



**Pn. Roziah binti  
Mohamed**

Pengarah Pusat  
Perundingan Koperasi



**Pn. Arfizawati binti  
Abd Hadi**

Pengarah Pusat  
Pendidikan Tinggi



**En. Christopher John  
Baptist**

Pengarah Pusat  
Pengurusan Koperasi

# ZON



**Pn. Siti Maimunah binti  
Jerni**

Pengarah Zon Sarawak



**Pn. Norbiha binti  
Kosmuri @ Kasmuri**

Pengarah Zon Sabah



**En. zulkiflee bin Aspan**

Pengarah Zon Tengah



**Pn. Haslinda binti Sujak**

Pengarah Zon Timur



**Pn. Hajah Yusnita  
binti Othman**

Pengarah Zon Utara



**En. Hafizal bin  
Abu Bakar**

Pengarah Zon Selatan



# TENTANG KAMI



# SEJARAH PENUBUHAN

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

Ketika ditubuhkan pada tahun 1956, keperluan kewangannya dibiayai oleh Colonial Welfare and Development Fund, manakala kerajaan pula telah memberikan sumbangan yang amat besar bagi menggalakkan pembangunan IKM keseluruhannya.

Pada tahun 1968, IKMa telah diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 yang diluluskan oleh Parlimen pada 11 September 1968. Sesuai dengan peredaran masa, Parlimen telah meluluskan Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 (Pindaan 2019) [Akta A1589] berkuatkuasa pada 5 Mei 2019 bertujuan untuk mempermekarkan tadbir urus IKMa supaya dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi.

IKMa pernah diletakkan di bawah beberapa kementerian antaranya Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Mulai tahun 2009, IKM telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan kini IKMa telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

## PUNCA KUASA IKMa

(Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589] telah memperuntukkan IKMa sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk membangun dan mengembangkan latihan dan pendidikan koperasi di negara ini.



# FUNGSI

Menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan menganugerahkan sijil atau diploma yang sesuai;

Membuat kaedah sebagaimana yang perlu bagi mengatur dan mengawal bayaran bagi mana-mana kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut;

Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan pembangunan modal insan koperasi.

Menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya;

Menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;

Menjalankan kursus, penyelidikan, khidmat nasihat dan perkhidmatan berteraskan ilmu atau bersama-sama secara bergabung secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau profesional atau mana-mana pertubuhan dalam dan luar negara; dan

Menyediakan khidmat konsultasi;



# VISI DAN MISI IKMa

## VISI

Ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi


## MISI

- Memacu pembangunan kapasiti modal insan dengan menerapkan identiti, nilai dan prinsip koperasi
- Membangunkan keusahawanan koperasi ke arah peningkatan sosioekonomi anggota melalui pembudayaan teknologi serta meneraju penyelidikan berimpak tinggi

# PIAGAM PELANGGAN


Kami berjanji untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan yang menepati keperluan pelanggan dengan:

- 1** Mengedarkan Buku Program dan Kalendar Kursus kepada pelanggan sebelum 31 Januari pada setiap tahun;
- 2** Mengeluarkan surat tawaran kursus dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh kursus.
- 3** Melaksanakan minimum 90 peratus daripada kursus yang dirancang setiap tahun;
- 4** Menghasilkan minimum sepuluh (10) keluaran penerbitan setahun;
- 5** Melaksanakan minimum lima puluh (50) khidmat konsultasi koperasi setahun;
- 6** Memastikan prasarana dan peralatan latihan berkeadaan baik untuk digunakan sehari sebelum kursus bermula;
- 7** Memastikan perkhidmatan perpustakaan dan fasiliti mendapat skor purata penilaian tidak kurang 4 dalam skala 1 hingga 5;
- 8** Memastikan penilaian penyampaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada pada 4 dalam skala 1 hingga 5;
- 9** Memastikan penilaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada pada 4 dalam skala 1 hingga 5; dan
- 10** Memberikan maklum balas terhadap setiap aduan dan pertanyaan dalam tempoh tidak lewat daripada satu (1) hari bekerja.





# LOKASI CAWANGAN IKMa



## Institut Koperasi Malaysia Kampus Induk / Zon Tengah

103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-79649000  
Faks : 03-79570434  
03-79543957  
03-79579076  
E-mel : ikma@ikma.edu.my  
tengah@ikma.edu.my  
Laman web: <http://www.ikma.edu.my>

## Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8 Bandar Baru UDA  
81200 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
Tel : 07-2075559  
Faks : 07-2342021  
E-mel : selatan@ikma.edu.my

## Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA Lorong 6, Api-Api 1  
88000 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel : 088-240812  
Faks : 088-241802  
E-mel : sabah@ikma.edu.my

## Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Wisma Sego,  
Lot 3593, Blok 14,  
Jalan Sultan Tengah  
93050 Petra Jaya Kuching, Sarawak  
Tel : 082-649407  
082-506408  
082-649409  
Faks : 082-649405  
E-mel : sarawak@ikma.edu.my

## Institut Koperasi Malaysia Zon Timur


Kompleks Inkubator Indera Mahkota 14  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-5732449  
Faks : 09-5732450  
E-mel : timur@ikma.edu.my

## Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)


Tingkat 3A,  
Wisma KOKTAB Kuala Nerus,  
Jalan Semarak, 21200 Kuala Nerus,  
Terengganu Darul Iman  
Tel : 09-6671140, 09-6671383, 09-6671239  
Faks : 09-6671647  
E-mel : cawterengganu@ikma.edu.my



# STRUKTUR ORGANISASI IKMa



UKKM







# LAPORAN SUMBER MANUSIA DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

# LAPORAN PERJAWATAN

Perjawatan IKMa yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga akhir tahun 2021 adalah sebanyak 205 jawatan. Pecahan adalah seperti di Jadual 1:



Sebanyak 194 jawatan telah diisi iaitu 137 jawatan di Ibu Pejabat, 16 jawatan di IKMa Zon Sabah, 14 jawatan di IKMa Zon Sarawak, 6 jawatan di IKMa Zon Selatan, 7 jawatan di IKMa Zon Utara, 7 jawatan di IKMa Zon Timur, dan 7 jawatan di IKMa Zon Tengah. Pecahan Pengisian jawatan adalah seperti di Jadual 2:-

**Jadual 2:** Pengisian jawatan

Penempatan/ Kumpulan	Petaling Jaya	Zon Sabah	Zon Sarawak	Zon Selatan	Zon Utara	Zon Timur	Zon Tengah	Jumlah
JUSA	1	-	-	-	-	-	-	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	57	8	7	4	5	4	7	<b>92</b>
Kumpulan Pelaksana	79	8	7	2	2	3	0	<b>101</b>
<b>Jumlah</b>	<b>137</b>	<b>16</b>	<b>14</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>194</b>

# LATIHAN KAKITANGAN

## KURSUS DALAM NEGARA

Pelbagai kategori latihan yang melibatkan dalam dan luar negara telah dijalankan untuk peningkatan skil dan kemahiran kakitangan IKMa. Pada tahun 2021, sebanyak 55 jenis latihan pelbagai bidang jangka pendek telah dihadiri oleh kakitangan IKMa. Antaranya termasuk kursus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, teknologi maklumat, kewangan, penyelidikan, penulisan, kepimpinan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, pagauditian, dan lain-lain lagi.

Perancangan kemahiran kompetensi kakitangan dilaksanakan dengan anjuran Bengkel Learning Need Analysis (LNA) kumpulan pelaksana. Bengkel LNA Kumpulan Pelaksana telah dilaksanakan pada Oktober 2021 dengan memfokuskan kepada kemahiran kompetensi kakitangan di penempatan masing-masing. Seramai 130 warga kerja IKMa yang menjawat jawatan dalam kumpulan Gred 11-38 (kumpulan pelaksana) telah melibatkan diri dalam bengkel LNA ini. Bengkel LNA melibatkan dua instrumen iaitu protokol temu bual bagi kumpulan fokus dan borang soal selidik. Dapatan kumpulan fokus digunakan untuk pembangunan borang soal selidik dan diedarkan kepada warga kerja kumpulan pelaksana IKMa. Dapatan LNA menjadi panduan kepada pelan operasi pembelajaran kepada kakitangan IKMa dalam kumpulan pelaksana.

Latihan yang sistematik dan menepati keperluan tugas tersebut dapat menyediakan warga kerja yang berkelayakan, berkebolehan, kompeten serta produktif, di samping dapat melengkapkan mereka dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Latihan juga dapat mewujudkan nilai cipta (value creation) dan nilai tambah (value added) di dalam jabatan serta menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya anggota.

**Jadual 3:** Bilangan Kursus Yang Dihadiri Mengikut Kategori

1	Individu
	Jumlah Kursus , 7
2	Berkumpulan
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional
	Jumlah Kursus , 29
3	Berkumpulan
	Kumpulan Pelaksana
	Jumlah Kursus , 19
4	Jumlah Kursus
	55 ,

**Jadual 4:** Jenis Kursus Yang Dihadiri Kakitangan IKMa





## PROGRAM LUAR NEGARA

Program luar negara yang dilaksanakan memfokuskan peranan pegawai akademik sebagai pakar rujuk bidang perkoperasian. Penglibatan mereka dalam bengkel/seminar/persidangan anjuran ICA - Asia Pasifik dan sebagai pasukan khidmat nasihat kepada gerakan koperasi luar negara perlu diperkasa dan diberi keutamaan selaras dengan sasaran peningkatan yang berimpak kepada IKMa ke arah sebuah institusi koperasi di Malaysia.

Pendedahan Pegawai Latihan IKMa kepada aktiviti koperasi luar negara adalah salah satu cara bagi peningkatan kepakaran mereka. Pada tahun 2021, IKMa tidak dapat meneruskan program sangkutan dengan koperasi-koperasi dan organisasi yang berkaitan di luar negara secara fizikal atas secara atas talian.

Maklumat Program latihan luar negara dan Pegawai Latihan IKMa yang telah dihantar untuk mengikuti program ni adalah seperti di bawah:

## PROGRAM LUAR NEGARA TAHUN 2021

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH	PEGAWAI	KAEDAH
1.	World Co-operative Monitor Official Launch "Exploring the Co-operative Economy report"	7 Januari 2021	1. En. Mohd Roslan bin Bani Amin 2. Cik Sharina binti Abdullah 3. Pn. Rahmatbee Zarinatun Binti Mohd Abdul Kader,	online
2.	14th ICA-AP Regional Assembly ICA-AP, in conjunction with the ICA World Cooperative Congress in Seoul, the Republic of Korea.	24 Februari 2021	1. En. Mohd Zaib bin Mat Yunus	online
3.	Program ICA Global Youth Forum on Co-operative Entrepreneurship.	13 Mac 2021	1. Pn. Hajar Azwin binti Mohamad Ashi 2. Pn. Julizah binti Sabstu 3. En. Intiran a/l Harikrishnan	online
4.	Online Consultation Session ACO and ICA-AP program <i>Deepening the Cooperative Identity</i> . Platform Zoom meetings	25 Mac 2021	1. En. Mohd Zaib Mat Yunus	online
5.	The ICA-AP Consumer Co-Operative 2021 Webinar "Contribution To Local Communities"	2 Jun 2021	1. Pn. Nasibah binti Ahmad 2. Pn. Nazirah binti Baharudin,	online
7.	International Day of Cooperatives 2021 Celebrations by NEDAC Bangkok	3 Jun 2021	1. Pn. Rahmatbee Zarinatun Binti Mohd Abdul Kader, 2. Mohd Fitri bin Abd Rahman	online
8.	ICETT online Event on Ethical Value chains: Elimination of Child Labour, (ICA)	9 Jun 2021	1. Pn. Rahmatbee Zarinatun Binti Mohd Abdul Kader, 2. Mohd Fitri bin Abd Rahman	online
9.	Program ICA Asia Pacific Cooperative Youth Summit (3.0)	18 Jun 2021	1. Pn. Rahmatbee Zarinatun Binti Mohd Abdul Kader, 2. Mohd Fitri bin Abd Rahman	online
10.	APEC Global MSME Forum 2021 online	28-29 Jun 2021	1. Pn. Rahmatbee Zarinatun Binti Mohd Abdul Kader	online

# NAIK TARAF INFRASTRUKTUR

## KAMPUS INDUK

Kampus induk Institut Koperasi Malaysia (IKMa) terletak di Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sejak dari penubuhannya pada tahun 1956. Kampus IKMa yang berkeluasan 17,394.9719-meter persegi atau 4.30 ekar ini menyediakan banyak kemudahan bagi menjalankan fungsi sebagai satu-satunya pusat latihan koperasi di Malaysia. Kemudahan fasiliti yang disediakan di kampus induk IKMa ini adalah terdiri daripada 4 buah bilik kuliah, 3 buah bilik mesyuarat, 3 buah makmal komputer, sebuah Auditorium Datuk Abdul Majid, sebuah dewan serbaguna Abdul Aziz Ishak, 2 buah dewan makan dan juga 96 buah bilik penginapan. Dengan kemudahan fasiliti yang disediakan ini, IKMa berupaya menampung kira-kira sehingga 500 peserta kursus pada satu-satu masa.

Di samping kemudahan-kemudahan yang dinyatakan, bagi menaiktaraf infrasturktur sedia ada, IKMa turut membina kafeteria yang serba moden untuk keselesaan kakitangan dan pelanggan. Bagi tujuan itu, sebuah kafeteria yang kondusif dan selesa sedang dibina dan dijangka mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2022. Kafeteria berkonsep moden ini akan dilengkapi dengan ruang dapur yang kondusif, ruang makan dilengkapi penghawa dingin yang berupaya menampung sehingga 30 orang. Kafeteria ini turut dilengkapi dengan sebuah pasar mini koperasi yang memasarkan produk-produk koperasi serta bilik VIP berkapasiti sehingga 10 orang. Dijangkakan kafeteria ini akan menjadi tarikan kepada pelanggan luar untuk berkunjung ke IKMa selain kakitangan dan peserta kursus IKMa.

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia dan Malaysia turut memberi kesan kepada IKMa dalam menjalankan aktiviti penyampaian latihan kepada koperasi. Justeru itu, IKMa telah menaiktaraf kesemua bilik kuliah sedia ada dengan memasang empat (4) unit *interactive smartboard* di bilik mesyuarat dan bilik kuliah.







# LAPORAN PEMBANGGUNAN MODAL INSAN IKMa 2021

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA IKMa 2021

Tahun 2021 adalah tahun yang mencabar bagi semua rakyat Malaysia kerana dilanda pendemic Covid 19 yang pertama kali berlaku dalam sejarah dunia, situasi ini menyebabkan tiada satu tanda aras khusus untuk IKMa merangka program pembangunan modal insan semasa kemelut pandemic ini berlaku.


walaupun ketika itu statistik penularan Wabak Covid-19 menunjukkan pengurangan namun kebanyakkan sektor ekonomi masih lagi bertarikh untuk meningkatkan semula tahap produktiviti melaui pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat oleh Pihak Kerajaan Malaysia. Sektor koperasi juga turut terkesan akibat Covid-19 dan berusaha sedaya upaya untuk membangun semula agar sektor koperasi terus relevan di negara ini. IKMa turut merasa tempiasnya di mana perlu

bergerak dengan lebih aktif dan progresif dalam memberikan latihan dan bimbingan kepada koperasi berbanding dengan tahun sebelum ini.

Tumpuan utama diberikan kepada koperasi yang terkesan akibat penularan wabak tersebut untuk mebangunkan semula koperasi dengan penerapan dan pemerkasaan digitalisasi koperasi. Walaupun menghadapi cabaran dan dugaan dalam memberi perkhidmatan latihan dan bimbingan secara bersasar sewaktu Pasca Covid, IKMa telah berjaya mencapai melebihi 100% 4 KPI Utama di peringkat Kementerian. 4 KPI tersebut dibahagikan kepada dua kategori KPI iaitu Outcome Based Budgetting dan Ministry Performance Indicator, berikut ialah penerangan KPI yang dimaksudkan:

BIL	KPI	KETERANGAN KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Peratusan Peningkatan Kefahaman ALK, Anggota Dan Pengurusan Koperasi Dalam Latihan Yang Diikuti	Mengukur tahap peningkatan kefahaman anggota koperasi dalam Program Latihan yang diikuti dan dapat diaplikasikan dalam sektor pengkoperasian.	50% peserta mencapai peratusan kefahaman tidak kurang daripada 50% daripada penilaian program dihadiri.	70% peserta mencapai peratusan kefahaman tidak kurang daripada 50% daripada penilaian program dihadiri.
2	Peningkatan Tahap Profesionalisma Tenaga Kerja Dalam Pengurusan Koperasi	Memberi latihan dan bimbingan kepada ALK dan Pengurusan dalam bidang pengkoperasian.	3,000 peserta	6,853 peserta telah menghadiri kursus yang dapat meningkatkan tahap profesionalismanya tenaga kerja dalam pengurusan koperasi

## PENINGKATAN PERATUSAN KPI OUTCOME BASED BUDGETING



## PEMANTAUAN PENCAPAIAN KPI MINISTRY PERFORMANCE INDICATOR



### PROGRAM PMI

Pada Tahun 2021, selain daripada latihan asas seperti Kursus Wajib dan Kursus Asas Perniagaan Koperasi, IKMa juga telah melaksanakan bimbingan secara bersasar kepada koperasi yang terpilih berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Sebanyak 5 Fokus Utama yang ditekankan dalam program bimbingan secara berbasasaran iaitu Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLE), Program Keusahawanan Koperasi

(COOPBizpreneur), Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE), Program Pemantapan Kewangan dan Akaun (FAST) dan Program Rejuvenasi Koperasi (ReJu). Secara keseluruhannya IKMa telah melaksanakan sebanyak 797 program dengan penglibatan seramai 30,852 peserta. Seramai 12,980 Anggota Lembaga Koperasi telah menyertai pelbagai program di IKMa. IKMa masih mengekalkan 3 kaedah pelaksanaan program iaitu bersemuka, dalam talian dan hybrid.



Selaras dengan Garis Panduan 5 (GP5) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), pada tahun 2021 IKMa telah melaksanakan 171 Kursus Wajib yang terdiri daripada Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1), Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2), Kursus Pengurusan Strategik Koperasi (Wajib 3) dan Kursus Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD). Seramai 6,667 peserta telah menghadiri Kursus Wajib di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dimana peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Kecil Koperasi, Pengurusan Kanan Koperasi, Perwakilan Koperasi, Pemimpin Pelapis Koperasi dan Pegawai Agensi Yang Menyelia Koperasi. Objektif utama pelakasanaan Kursus Wajib ialah memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan dengan pengurusan & pentadbiran koperasi, pengurusan kewangan, pengurusan strategik dan tatacara pengauditan & perakaunan koperasi.

IKMa turut melaksanakan 205 Kursus Asas Perniagaan Koperasi (COOPBif) yang melibatkan penyertaan seramai 15,418 peserta seluruh Malaysia yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Kecil Koperasi, pengurusan kanan koperasi, perwakilan koperasi, Pemimpin Pelapis Koperasi, ahli koperasi, pegawai agensi yang menyelia koperasi, usahawan dan Individu yang berminat. Kursus ini dilaksanakan dalam tempoh 1-10 hari yang melibatkan 5 bidang utama iaitut kewangan dan akaun, teknologi maklumat, pengurusan perniagaan, pentadbiran koperasi dan perundangan koperasi. Tujuan utama kursus ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan kemahiran kepada koperator, usahawan dan individu yang berminat tentang pengurusan dan tadbir urus koperasi merangkumi Pembangunan Koperasi, Perniagaan,

Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Perakaunan & Kewangan, Selain daripada kursus asas, IKMa turut melaksanakan program bimbingan koperasi bersasar yang mengfokuskan kepada 5 Program utama iaitu:

- i) Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLE)

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan sebagai sektor ketiga penyumbang kepada ekonomi negara, IKMa mengambil inisiatif memperkenalkan program MiRiCLE untuk membantu meningkatkan sumbangan koperasi kepada KDNK negara khususnya koperasi kluster kecil dan mikro. Program MiRiCLE merupakan medium pendekatan baharu yang diperkenalkan IKMa dengan turun padang bagi mengenal pasti isu yang dihadapi oleh koperasi khasnya koperasi kluster kecil dan mikro serta salah satu inisiatif dalam mendaya upayakan koperasi tersebut.

Pada Tahun 2021 IKMa telah melaksanakan sebanyak 170 program dengan penglibatan sebanyak 176 koperasi. Pelbagai program telah dilaksanakan melalui kaedah bengkel, kursus, *coaching*, *hands-on* dan lain-lain berdasarkan kepada keperluan koperasi. Seiring dengan itu, output dan *outcome* program ini dilihat melalui objektif program itu sendiri iaitu meningkatkan profesionalisme Anggota Lembaga Koperasi (ALK), meningkatkan kesejahteraan dan peningkatan pendapatan koperasi.

Pegawai perunding untuk program ini melibatkan pakar industri yang dilantik untuk melihat aspek pentadbiran dan perniagaan bagi membantu meningkatkan jualan, kecekapan tadbir urus dan produktiviti operasi.

Tempoh pelaksanaan program ialah selama satu (1) tahun dan melibatkan dua (2) program utama iaitu

- i. Tadbir Urus
  - Perundangan
  - Keanggotaan
  - Kepimpinan
  - Perancangan Strategik
  - Kewangan
  - Sumber Manusia
- ii. Perniagaan & Pelan Perniagaan.
  - Perkhidmatan Kewangan
  - Pemborongan/Peruncitan
  - Pertanian/Asas Tani
  - Pelancongan
  - Hartanah
  - Perladangan
- ii) Program Keusahawanan Koperasi (COOPBIZPreneur)

Objektif utama program ini ialah membangunkan koperasi yang mempunyai perniagaan berimpak tinggi dan membangunkan anggota koperasi sebagai usahawan di mana melibatkan kumpulan sasar koperasi atau anggota koperasi yang sedang dan akan menjalankan perniagaan dalam sektor berkenaan

Sebanyak 191 Program telah dilaksanakan pada tahun 2021 yang melibatkan penglibatan 90 buah koperasi seluruh Malaysia. Program ini yang berfokuskan kepada tiga (3) unit utama iaitu:

#### a. Program COOPCore

Program yang dibangunkan mengikut keperluan dan perkembangan semasa aktiviti perniagaan berpotensi tinggi. Matlamat dan objektif program adalah meningkatkan kompetensi modal insan koperasi ke arah

melahirkan koperasi yang kompeten/ berdaya maju. COOPCore meliputi 6 sub-unit utama iaitu:

- Produk & Akses Pasaran (ProMark)
- Borong & Runcit (COOP Retail Ace)
- Pembangunan Hartanah & Pembinaan (COOP SHIP)
- Perladangan dan Asas Tani (COOP AGRI)
- Pelancongan (COOP Tourism)
- Penjagaan Diri & Kesihatan (COOP SPA)

Metodologi, penyampaian dan pelaksanaan program ialah memadankan koperasi dengan tenaga pakar industri serta pemantauan program secara berterusan. Latihan diberikan secara intensif melalui program bimbingan dan latihan secara berfasa. Meliputi 3 fasa pembangunan iaitu Fasa Permulaan, Fasa Pembangunan dan Lanjutan.

Program yang dilaksanakan adalah bersifat lanjutan dan pengembangan dan impak setiap program akan dilihat dari aspek kewangan (peningkatan perolehan) dan bukan kewangan (contoh; pengembangan aktiviti perniagaan, peningkatan kompetensi dan daya tahan perniagaan secara berterusan)

#### b. Program COOPBiz

Program latihan yang bersifat asas merangkumi aspek pentadbiran dan pengurusan perniagaan. Di samping itu, peserta turut didedahkan dengan ilmu keusahawanan merangkumi aspek hala tuju perniagaan, operasi, sumber manusia, perancangan, pentadbiran perniagaan dan mencari peluang perniagaan.



Program latihan dibangunkan bagi memantapkan pemahaman dan ilmu koperasi dalam pentadbiran dan pengurusan perniagaan seiring dengan perkembangan semasa. Antara 3 pengisian utama program ini menilai ciri keusahawanan dalam koperasi, kebolehan koperasi menjana idea perniagaan yang berpotensi berdasarkan kehendak pasaran dan mengenal pasti kaedah asas operasi perniagaan (sumber manusia, pemasaran, kewangan) dalam menguruskan perniagaan.

Program latihan di bawah COOPBiz adalah seperti berikut:

- Asas Keusahawanan Koperasi
- Teknik permasaran efektif
- Pengurusan Sumber Manusia Secara Berkesan
- Motivasi Diri di Tempat Kerja
- Kanvas Model Perniagaan (BMC)
- Pengurusan Rekod dan Fail Yang Efektif
- Piawaian Prosedur Operasi (SOP) Aktiviti Perniagaan
- Bengkel Pengurusan Strategik
- Kertas Kerja Rancangan Perniagaan
- Pengurusan Projek Secara Efektif
- Pengurusan Kontrak Perniagaan Koperasi
- Pengurusan Perubahan
- Kemahiran Perundingan Perniagaan

iii) Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE)

Program ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan digitalisasi seterusnya mengaplikasikan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dalam sektor

koperasi dan keusahawanan dengan memfokuskan kepada teknologi terkini, seiring dengan peredaran masa. Dalam masa yang sama, koperasi dapat menyesuaikan dengan perkembangan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan seterusnya dapat memberi tumpuan kepada elemen utama Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) termasuk Analisa Data Besar (Big Data), Internet of Things (IoT), Simulasi dan Integrasi Sistem dalam gerakan koperasi.

Pada tahun 2021 sebanyak 20 program telah dilaksanakan dengan penglibatan 30 koperasi secara keseluruhan.

Program ini dapat membantu koperasi dan usahawan menghasilkan:

- i. Penerokaan pasaran yang lebih luas melalui medium/platform baru
- ii. Jaminan kualiti ke atas produk perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh koperasi dan usahawan,
- iii. Elemen digital di dalam keseluruhan proses kerja dengan meneroka teknologi terkini.
- iv. Platform (*deck*) perniagaan digital yang lebih mesra pengguna.
- v. Kesedaran oleh pelanggan bahawasanya koperasi atau usahawan kini berada di atas talian (*online presence*).
- vi. Jenama yang lebih kuat dan lebih dipercayai.

- Program dilaksanakan selama setahun di mana setiap tahun akan melibatkan 5 fasa secara keseluruhan. Keseluruhan fasa ini akan mengambil masa selama 9 bulan untuk diselesaikan oleh koperasi atau usahawan yang dipilih dan 3 bulan untuk fasa

- pemantauan. Fasa-fasa tersebut adalah seperti di bawah:
- i. Fasa 1 – Diagnostik
  - ii. Fasa 2 – Intervensi
  - iii. Fasa 3 – Bimbingan
  - iv. Fasa 4 – Akses Pasaran
  - v. Fasa 5 - Pemantauan
- iv) Program Pemeriksaan Kewangan dan Akaun (FAST)
- Program FAST dilaksanakan bertujuan meningkatkan prestasi dan memantapkan tadbir urus koperasi dalam bidang kewangan dan perakaunan. Pada tahun 2021, sebanyak 9 koperasi terlibat dengan pengajuran sebanyak 12 program.
  - Program ini menawarkan pengisian program secara *customized* kepada koperasi secara bersasar berlandaskan beberapa objektif iaitu:
    - i. Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan bagi tujuan merancang kewangan, merekod akaun, mengaudit dan merancang cukai koperasi;
    - ii. Meningkatkan keberkesanan proses pembuatan keputusan yang membawa impak kewangan positif kepada koperasi;
    - iii. Meningkatkan keberkesanan pemantauan prestasi perniagaan koperasi supaya lebih sistematik dan
    - iv. berinformasi kepada pemegang taruh.
  - Pelaksanaan Program FAST melibatkan khidmat bimbingan dan mudah cara koperasi. Koperasi yang terlibat dengan program FAST akan dibekalkan dengan kit yang meliputi komponen seperti pelan pelaksanaan, perundingan, latihan dan pemantauan seperti berikut:
- a. Kit Sistem Perakaunan Berkomputer
    - i. Sistem Perakaunan Berkomputer
    - ii. Perundingan Program Migrasi
    - iii. Latihan dan pemantauan
  - b. Kit Pengauditan Dalaman Koperasi
    - i. Pembangunan Program Audit (Audit Charter & Audit Pelan)
    - ii. Perundingan Pengauditan
    - iii. Latihan dan pemantauan
  - c. Kit Perancangan Cukai Koperasi
    - i. Pembangunan Strategi Perancangan Cukai
    - ii. Perundingan Percukaian
    - iii. Latihan dan pemantauan
  - d. Kit Pematuhan Syariah
    - i. Pembangunan Pelan Pematuhan Syariah
    - ii. Perundingan Pematuhan Syariah
    - iii. Latihan dan pemantauan
  - e. Kit Perakaunan Khas
    - i. Sistem Perakaunan
    - ii. Perundingan Perakaunan
    - iii. Latihan dan pemantauan
- Koperasi terlibat yang dibimbing dan di mudah cara akan dapat:
    - i. Merekod dan menutup akaun tahunan dengan betul dan sistematik untuk pemantapan tadbir urus perniagaan dan persediaan audit koperasi;
    - ii. Memigrasi rekod perakaunan daripada manual kepada berkomputer yang bersesuaian dengan koperasi untuk meningkatkan kecekapan perakaunan koperasi;
    - iii. Menganalisis prestasi kewangan koperasi secara efektif untuk merancang keperluan kewangan semasa dan masa hadapan;



- iv. Merancang cukai pendapatan koperasi secara efisien supaya dapat menjimatkan cukai yang perlu dibayar; dan
  - v. Membangunkan dokumen pengauditan dalaman yang bersesuaian untuk mengaudit koperasi dengan berkesan.
- iv) Program Merejuvenasikan Koperasi (ReJu)
- Program ini ialah usaha IKMa untuk membantu koperasi yang terpinggir dalam arus pembangunan atas dasar kepentingan komuniti yang diwakili. Koperasi yang dipilih adalah koperasi yang berpotensi serta koperasi yang bersetuju untuk menjadi aktif semula. Tempoh pelaksanaan program ialah selama 12 – 18 bulan
  - Pada tahun 2021 sebanyak 3 program telah dilaksanakan.
  - Pemilihan koperasi dibuat atas saranan SKM dan kerjasama langsung daripada SKM Wilayah. Selain itu, pemilihan koperasi secara bersasar berdasarkan kumpulan sasaran tertentu juga dibuat (wanita, belia, kariah masjid dan JAKOA) dengan kerjasama SKM, KUSKOP dan kementerian/ agensi lain.
- Takrifan koperasi tidak aktif adalah koperasi yang tidak memenuhi mana-mana kriteria berikut selama 3 tahun berturut-turut:
- i. Tidak menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan
  - ii. Tidak mempunyai akaun teraudit
  - iii. Tiada aktiviti perniagaan
- Bimbingan dan latihan yang diberikan adalah daripada aspek jati diri koperasi, kepimpinan strategik, pasukan cemerlang, mesyuarat agung tahunan, potensi perniagaan, dokumentasi perundangan, penstrukturkan semula organisasi, sistem akaun dan digitalisasi koperasi. IKMa juga melaksanakan beberapa aspek pemantauan tambahan seperti pemantauan dalam aspek pendapatan koperasi dalam tempoh empat 4 bulan.

## PROGRAM UTAMA IKMa 2021

### KURSUS WAJIB

- 1) PENGURUSAN & PENTADBIRAN KOPERASI
- 2) PENGURUSAN KEWANGAN KOPERASI
- 3) PENGURUSAN STRATEGIK KOPERASI
- 4) TATACARA PENGAUDITAN DAN PERAKAUNAN KOPERASI


### PROGRAM ASAS PERNIAGAAN KOPERASI

- 1) KEWANGAN DAN AKAUN
- 2) TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 3) PENGURUSAN PERNIAGAAN
- 4) PENTADBIRAN KOPERASI
- 5) PERUNDANGAN KOPERASI



2015 – 2021

PROGRAM: 2,162  
PESERTA: 96,830





**PETUNJUK**

- █ PROGRAM
- █ SUB PROGRAM
- █ OUTCOME

1. USAHAWAN KOPERASI YANG MENGGUNAKAN PEMASARAN DIGITAL.
2. ADAPTASI DAN APLIKASI TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN.
3. PENAMBAHBAIKAN PERNIAGAAN (INOVASI BISNES INFRASTRUKTUR).
4. PERTUMBUHAN JUALAN DAN KEUNTUNGAN.



**PETUNJUK**

- █ JENIS KONSULTASI
- █ BIDANG PERAKAUNAN
- █ BIDANG KEWANGAN
- █ OUTCOME

1. MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN.
2. MENINGKATKAN KEBERKESANAN PROSES PEMBUATAN KEPUTUSAN.
3. MENINGKATKAN KEBERKESANAN PEMANTAUAN PRESTASI.



**PETUNJUK**

- █ JENIS KONSULTASI
- █ BIDANG PERAKAUNAN
- █ BIDANG KEWANGAN
- █ OUTCOME

1. MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN.
2. MENINGKATKAN KEBERKESANAN PROSES PEMBUATAN KEPUTUSAN.
3. MENINGKATKAN KEBERKESANAN PEMANTAUAN PRESTASI.



## PENCAPAIAN KESELURUHAN PROGRAM IKMa 2021



### PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MASKOP)

Program promosi merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada gerakan koperasi dan orang awam. Program ini dilaksanakan di penghujung dan awal tahun. IKMa mengambil peluang untuk bertemu dengan pemimpin koperator dan usahawan. Pendekatan yang diambil pada tahun ini adalah melalui cara turun padang dan berjumpa dengan kumpulan sasar melalui program yang dirancang. Program bersasar dan berfokus ini akan dijalankan di setiap zon dan melibatkan pegawai di IKMa HQ dan Zon bagi memberi impak maksimum ke arah mencapai matlamatnya.

Pada tahun 2021 sebanyak 25 program telah dilaksanakan dengan bilangan kehadiran seramai 3,391 orang peserta. IKMa mengambil inisiatif bagi menganjurkan program ini bagi menyantuni kumpulan sasar khususnya B40 untuk keluar dari kepong-pong mereka dengan menyertai program yang ditawarkan oleh IKMa. Adalah diharapkan program ini akan membawa perubahan kepada kumpulan sasar agar dapat sama-sama mengecap kemakmuran bersama yang diuar-uarkan. Istimewanya penganjuran program ini ialah program ini berfokus dan bersasar di mana selepas menghadiri program ini peserta akan mengikuti program-program lain anjuran Institut Koperasi Malaysia. Pihak pengangur pula akan dapat senarai sasaran peserta untuk mengikuti program seterusnya.



### PROGRAM ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2021, IKMa telah menganjurkan program antarabangsa yang meliputi program latihan luar negara, program di bawah International Cooperative Alliance (ICA) dan beberapa program jemputan yang lain secara dalam talian. Menyedari akan kepentingan kerjasama dan jaringan hubungan dengan gerakan koperasi di peringkat antarabangsa, IKMa menjalinkan kerjasama dengan gerakan koperasi di peringkat antarabangsa mahupun dalam

negara. Selain itu, langkah ini juga merupakan salah satu mekanisme yang digunakan oleh IKMa dalam mendaya upaya kompetensi Pegawai Latihan IKMa selain pendedahan di peringkat nasional.

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) merupakan kerjasama teknikal yang sepenuhnya dibiayai oleh Kerajaan Malaysia dengan hasrat dapat mewujudkan kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun dan serantau.

Jadual 1: Senarai Program Antarabangsa Anjuran atau Penglibatan IKMa

BIL	TAJUK	TARIKH
1	Program Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance (for Thailand participants)	23 – 27 Ogos 2021
2	Program Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance	4-8 Oktober 2021
3	Program Certificate in Co-operative Management and Governance	4 – 8 Oktober 2021
4	World Co-operative Monitor Official Launch “Exploring the Co-operative Economy report	20 Januari 2021
5	Online 14th ICA-AP Regional Assembly ICA-AP	24 Februari 2021
6	Program ICA Global Youth Forum on Co-operative Entrepreneurship	25 – 27 Mac 2021
7	Online Consultation Session ACO and ICA-AP	25 Mac 2021

BIL	TAJUK	TARIKH
8	The ICA-AP Consumer Co-Operative 2021 Webinar “Contribution To Local Communities”	2 Jun 2021
9	International Co-operative Day	3 Jun 2021
10	International Day of Cooperatives 2021 Celebrations by NEDAC Bangkok	3 Jun 2021
11	ICETT online Event on Ethical Value chains: Elimination of Child Labour, (ICA)	9 Jun 2021
12	Program ICA Asia Pacific Cooperative Youth Summit (3.0)	18 Jun 2021
13	APEC Global MSME Forum 2021	28-29 Jun 2021
14	Webinar “Rebuild better together: Cooperatives’ contribution to a people-centred and environmentally just recovery	12 Julai 2021
15	7th meeting of the ICA-AP Committee on Cooperative Research (CCR)	29 November 2021
16	15th ICA-AP Regional Assembly and Regional Board Elections	30 November 2021
17	ICA 33rd World Co-operative Congress (Korea)	1-3 Disember 2021

Semua program dilaksanakan secara dalam talian kecuali ICA 33rd World Co-operative Congress (dilaksanakan di Korea)



## IMPAK PROGRAM IKMa

Pada tahun 2021 beberapa koperasi telah menunjukkan peningkatan prestasi koperasi sama ada dari segi pengurusan koperasi maupun pendapatan koperasi melalui penyertaan program latihan dan bimbingan yang dianjurkan oleh IKMa.

### A. Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe)

Koperasi berpotensi yang dipilih dalam program ini akan dapat diurus tadbir dengan lebih cekap lagi dengan mengamalkan budaya kerja cemerlang khususnya dalam operasi harian, pertumbuhan bisnes dan penerokaan bisnes baharu bagi mencapai matlamat penubuhannya ke arah peningkatan pendapatan koperasi seterusnya mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan anggota dan komuniti. Lima (5) buah koperasi berjaya menunjukkan impak yang ketara dalam program bimbingan IKMa selama satu (1) tahun.

#### i. Nama Koperasi : Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad

Aktiviti : Perniagaan & Pembenihan Ikan Sangkar


Negeri : Pahang

Program yang diikuti:

- Kursus Asas Pembentukan Bank Rakyat
- Bengkel Pembentahan Ikan Air Tawar (Teori)
- Bengkel Pembentahan Ikan Air Tawar (Praktikal)
- Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE)
- Bengkel Akaun UBS


Impak:

- Menghasilkan benih ikan yang berkualiti
- Mengawal dan mengeluarkan anak ikan secara berjadual di 12 kolam milik koperasi
- Jualan pembentahan ikan RM 72,305.00 (Dis. 2020-Jun 2021)
- Penggunaan Shopee sebagai medium jualan
- Mendapat 5-star diberi oleh kesemua 18 pelanggan yang memberi rating.
- 56 produk terjual melalui Shopee. Purata 20 produk sebulan
- Beralih menggunakan sistem perakaunan UBS dengan lebih cekap dan berkesan berbanding penggunaan Excell sebelum ini.



**KOPERASI TUNAS LADA JERANTUT BERHAD**

- Jualan pembentahan ikan RM 72,305.00
- Mendapat 5 star diberi oleh kesemua 18 pelanggan yang memberi rating
- 56 produk terjual melalui Shopee. Purata 20 produk sebulan



**ii. Nama Koperasi : Koperasi Warisan Keluarga Othman Terengganu Berhad**

Aktiviti : Perumahan

Negeri : Terengganu

Program yang diikuti:

- Bengkel Pemasaran Produk Hartanah
- Bengkel Penilaian Kaedah Pemasaran Produk Hartanah Siri 1
- Bengkel Penilaian Kaedah Pemasaran Produk Hartanah Siri 2

Impak:

- 19 buah rumah (11-unit banglo, 8 unit semi-D)
  - Banglo RM366,000-RM380,000 (RM4,026,000)
  - Semi-D RM278,000-RM298,000 (RM3,058,000)
- Penglibatan 39 ALK/anggota sebagai ejen jualan rumah projek perumahan koperasi
- Penghasilan brosur projek perumahan milik koperasi yang telah mendapat kelulusan Jabatan Perumahan Negara
- Pemasaran yang lebih relevan secara digital (gambar profesional, video, media sosial) dirancang melalui satu kertas kerja khas bagi melaksanakan pemasaran secara digital.

**iii. Nama Koperasi : Koperasi Homestay Telok Ketapang Berhad**

Aktiviti : Pelancongan

Negeri : Terengganu

Program yang diikuti:

- *Road Map & Round Table Discussion*
- Bengkel Pembangunan Laman Web
- Bengkel Pengurusan Rumah Tamu
- Program CODE
- Bengkel Kepimpinan Belia Koperasi
- Kursus Peningkatan Kemahiran dan Pengetahuan dalam Perniagaan untuk anggota

Impak:

- Mengetengahkan produk-produk hiliran di persekitaran Teluk Ketapang melalui Lambo Sari.
- Empat (4) orang wakil koperasi dapat membangunkan dan mengurus laman web koperasi
- 21 orang anggota yang mengusahakan rumah tamu/homestay
  - Membuat perubahan dan penambahbaikan
  - Meningkatkan pendapatan dan kepuasan pelanggan
- Laman Web koperasi sedia digunakan selepas PKP untuk tempahan dan bayaran secara dalam talian



#### iv. Nama Koperasi : Koperasi Serasot Bau Berhad

Aktiviti : Pertanian

Negeri : Sarawak

Program yang diikuti:

- Bengkel Pelan Strategik Koperasi
- Bengkel Perakaunan Asas
- Program Lawatan Sambil Belajar Koperator Negara Brunei Darulsalam
- Program Kesedaran Anggota
- Program Kerjasama Koperasi bersama Jabatan Pertanian Sarawak Siri 1 dan 2

Impak:

- Anggota disasarkan berbelanja RM50 sebulan (Peningkatan hasil jualan kedai)
- Peningkatan hasil jualan kedai hampir 20% dalam bulan pertama selepas program (sokongan anggota meningkat)
- Jabatan Pertanian Sarawak secara dasarnya bersetuju melantik koperasi sebagai ejen penghasilan biji benih untuk dibekalkan kepada Jabatan Pertanian Sarawak

Pihak Jabatan Pertanian:

- Membekal secara percuma benih induk dan input pertanian
- Mengajurkan kursus produk hiliran terung asam mas (jem dan ais krim)

**v. Nama Koperasi : Koperasi Pengkalan Batu Melaka Berhad**

Aktiviti : Pengguna (Kedai Runcit)

Negeri : Melaka

Program yang diikuti:

- Lawatan Sektor Pemborongan dan Peruncitan
- Brainstorming Online: Bengkel Pembangunan Model Bisnes
- Bengkel BMC dan Portfolio Barang Niaga Koperasi
- Kursus Kuasai Google Meet

Impak:

- Penghasilan BMC kedai runcit koperasi
- Susun atur kedai runcit KOPABA dilaksanakan secara praktikal
- Menjana pendapatan sebanyak RM93,626.00 (Jun 2021)
  - Jun 2020 RM62,779.00
  - Peningkatan 32.95% - atas inisiatif ALK dan semangat berpasukan
  - Jualan meningkat selepas kedai diubahsuai (susun atur)

KOPERASI PENGKALAN BATU MELAKA BERHAD (MELAKA)

Menjana pendapatan sebanyak RM93,626.00 (Jun 2021) berbanding Jun 2020, RM62,779.00. Peningkatan 32.95% atas inisiatif ALK dan semangat berpasukan. Jualan meningkat selepas kedai diubahsuai (susun atur).



## PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

### Penyelidikan

Sebagai sebuah institusi latihan dan pendidikan koperasi, bertanggungjawab dalam menyebar luas ilmu pengetahuan kepada gerakan koperasi melalui fungsinya iaitu menjalankan program latihan, penyelidikan, penerbitan dan perundingan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4, Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589]. IKMa bertanggungjawab dalam menggembung serta menyelaras sumber secara optimum, menganalisis isu-isu semasa yang signifikan berkaitan gerakan koperasi, membuat penilaian dan melaksanakan penyelidikan.

IKMa sentiasa komited dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan dan penerbitan yang berimpak serta berkualiti supaya ia dapat memenuhi keperluan dan permintaan komuniti koperasi dan pemegang taruh. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada aktiviti penulisan ilmiah IKMa yang diterjemah dalam koleksi ilmiah melalui penerbitan jurnal, kajian kes, penyelesaian masalah, kisah kejayaan, monograf penyelidikan dan siri pengurusan bagi menyebar luas ilmu pengetahuan kepada gerakan koperasi. Aktiviti penyelidikan ini melibatkan pegawai IKMa yang berpengetahuan dan pengalaman luas dalam gerakan koperasi.

IKMa sentiasa komited dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan dan penerbitan yang berimpak serta berkualiti supaya ia dapat memenuhi keperluan dan permintaan komuniti koperasi dan pemegang taruhnya. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada aktiviti

penulisan ilmiah IKMa yang diterjemahkan dalam koleksi ilmiah melalui penerbitan jurnal, kajian kes, penyelesaian masalah, kisah kejayaan, monograf penyelidikan dan siri pengurusan bagi menyebar luas ilmu pengetahuan kepada gerakan koperasi. Di samping itu, bagi menambah jaringan kerjasama dengan pihak lain dan mendapatkan kepakaran dalam sesuatu bidang, individu dari universiti dan agensi berkaitan juga dilibatkan dalam aktiviti penyelidikan ini. Hasil penyelidikan dibentang di pelbagai platform termasuk dalam Majlis Perundingan Koperasi Malaysia atau *International Cooperative Alliance (ICA) Conference* luar negara

Pada tahun 2021 pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membudayakan penghasilan penyelidikan koperasi yang berkualiti dalam kalangan Pegawai Latihan di IKMa:

- i. Menggalakkan Pegawai Latihan hadir ke seminar penyelidikan yang dianjurkan oleh institut latihan awam atau swasta
- ii. Melantik penyelidik luar
- iii. Melantik pakar rujuk
- iv. Mengadakan Seminar Penyelidikan
- v. Menjalankan kerjasama dengan pemegang taruh dalam penghasilan penyelidikan

Antara penyelidikan 2020/2021 yang telah selesai dijilid ialah:

- i. Penglibatan Anggota Dalam Aktiviti Keusahawanan Koperasi Siswa (Kosiswa)
- ii. Penglibatan Koperasi Dalam Perniagaan Online Di Malaysia
- iii. Kajian Penilaian Pembiayaan Peribadi
- iv. Analisis Ekosistem Pertumbuhan Koperasi Dan Hala Tuju Bagi Meningkatkan Prestasi Koperasi Mikro di Malaysia

**Jadual 1:** Senarai Penyelidikan 2020/2021 & 2021/2022:

BIL	TAJUK
<b>TAHUN 2020/2021</b>	
1.	Penglibatan Anggota Dalam Aktiviti Keusahawanan Koperasi Siswa (Kosiswa)
2.	Penglibatan Koperasi Dalam Perniagaan Online Di Malaysia
3.	Kajian Penilaian Pembiayaan Peribadi
4.	Analisis Ekosistem Pertumbuhan Koperasi Dan Hala Tuju Bagi Meningkatkan Prestasi Koperasi Mikro Di Malaysia
<b>TAHUN 2021/2022</b>	
1.	Prospek dan Potensi Koperasi Agromakanan Terhadap Perolehan Gerakan Koperasi di Malaysia
2.	Penilaian terhadap Penglibatan Pelajar dalam Koperasi Kolej Vokasional: Satu Tinjauan
3.	Kajian Penerokaan terhadap Faktor Keupayaan dan Prestasi Koperasi Kecil Dan Sederhana di Wilayah Utara, Semenanjung Malaysia
4.	Faktor Daya Tahan Perniagaan Koperasi di Sarawak
5.	Analisis Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi di Malaysia





## PENERBITAN

IKMa merupakan satu-satunya pusat latihan di Malaysia yang bertanggungjawab dalam menyebarkan ilmu kepada warga koperasi khususnya dan masyarakat amnya melalui hasil penulisan dan penerbitan berkaitan koperasi di Malaysia, IKMa giat menghasilkan bahan rujukan dan terbitan melalui penerbitan jurnal, buku, majalah dan beberapa bahan bacaan lain seperti:

- i. Malaysian Journal of Co-operative Studies
- ii. Buku Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara
- iii. Monograf Penyelidikan
- iv. Kajian Kes
- v. Majalah Dimensi Koop
- vi. Prosiding.
- vii. Buku
- viii. Majalah Info
- ix. dan lain-lain

Pada peringkat antarabangsa pula, IKMa turut mengambil bahagian dalam pembentangan

hasil penyelidikan ke beberapa buah negara. Bagi memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada pegawai IKMa tentang gerakan koperasi di luar negara, IKMa turut terlibat dalam program sangkutan di luar negara seperti Jepun, Singapore, Korea, Indonesia, Filipina, Taiwan, Sepanyol dan beberapa buah negara lain. Hasil daripada program tersebut akan dibukukan dan diedarkan kepada semua pemegang taruh bagi berkongsi pengalaman untuk diaplikasikan oleh gerakan koperasi di Malaysia.

### A. Malaysian Journal of Co-operative Studies (MJCS)

Malaysian Journal of Co-operative Studies merupakan jurnal yang mengumpulkan ke semua artikel khusus berkaitan koperasi sama ada dari dalam dan luar negara di mana ia menggabungkan hasil penulisan daripada seluruh negara dan telah berdaftar dengan My Jurnal di bawah Malaysian Citation Centre.

### Jadual 2 : Senarai Artikel Jurnal Penerbitan MJCS

MALAYSIAN JOURNAL OF CO-OPERATIVE STUDIES VOL. 17		
Bil	Tajuk	Penulis
1.	Cabarannya dalam Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi Kariah Masjid di Semenanjung Malaysia	Roziah Mohamed, Nur Anizah Aziz
2.	Persepsi Masyarakat Terhadap Koperasi	Azmaliza Arifin, Amalina Ibrahim, Nur Anizah Aziz
3.	Kompetensi Pengurus: Satu Kajian Kes Koperasi Terbaik Malaysia	Azmaliza Arifin, Nur Anizah Aziz
4.	Faktor-Faktor Kejayaan Kritikal Bagi Koperasi Penanam Sawit Mampan di Malaysia	Frank Me-ol, Yusman Yacob, Siti Maimunah Jerni, Mohd Suandi Mortadza, Syarifah Rohaya Wan Idris, Vronica Kumang Lawrence
5.	Penyediaan Rumah Mampu Milik dan Pembiayaan Patuh Syariah oleh Koperasi di Malaysia	Mohd Nusi Abdul Rahman, Shahida Shahimi, Mohd Adib Ismail
6.	Penglibatan Mahasiswa dalam KOSISWA: Kajian Empirikal di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia	Mohamad Haniff Mohamad Hashim, Mohd Zaib Mat Yunus, Salwana Ali
7.	Assessing the Professional Development Needs of Co-operatives in Calabarzon, Philippines	Liezal S. Cruz
8.	The Effects of COVID – 19 Pandemic on the Co-operative Sector in Calabarzon, Philippines	Ceptryl S. Mina, Liezel S. Cruz
9.	Isu dan Cabaran yang dihadapi Pergerakan Koperasi Ibu Tunggal di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan Awal	Azliana Mohd Jelani, Muhammad Hakimi Mohd Shafiqi, Salmy Edawati Yaacob



## B. Kajian Kes

Sebanyak 20 kajian kes dalam bentuk artikel diterbitkan dalam Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara. Penerbitan kisah kejayaan ini adalah kompilasi penulisan Pegawai Latihan yang telah menjalnai program latihan dan sangkutan di koperasi dalam dan luar negara yang terpilih dalam bidang pelancongan dan pertanian.

KAJIAN KES KOPERASI DI MALAYSIA		
Bil	Tajuk	Penulis
1.	Permata Menjadi Kaca	Julizah Sabstu, Nor Alyani Abd Razak
2.	Bayar Sekarang Juga	Rahmathbee Zarinatun Mohd Abdul Kader, Hamizah Mohd Nadzir
3.	Roda-Roda Kehidupan	Shamsiah Syamsudin, Ridzuan Saudi
4.	Hendak Seribu Daya	Arfizawati Abd Hadi, Norhayati Abd Rahman, Juliana Md. Yusof
5.	Disangka Panas Hingga Ke Petang	Norsyeirawani Shari, Norawati Ngatmin
6.	Dilema Si Ikan Sangkar	Haslinda Sujak, Muhamad Yusof
7.	Adat Periuk Berkerak, Adat Lesung Berdedak	Salwana Ali
8.	Guna-Guna Alu Sesudah Menumbuk Dicampakkan	Azlifah Abas, Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
9.	Koperasi Asal Ada	Norhazilina Abdul Halim, Malesa Shela Ta'yib
10.	Koperasi Kedah Berhad	Hamizah Mohd Nadzir, Mohd Hamzah Kasim
11.	Biar Tahu Jangan Buntu	Afizah Abdul Jalal
12.	Koperasi Panjie Utara Berhad	Hamizah Mohd Nadzir, Nur Syamimi Othman
13.	Indah Bila Bersatu	Nur Syazwani Zainul Abidin, Nor Fadhilah Mohd

KISAH KEJAYAAN KOPERASI DALAM DAN LUAR NEGARA JILID 10		
Bil	Tajuk	Penulis
1.	Koperasi Permodalan dan Perusahaan Melayu Negeri Sembilan Berhad	Julizah Sabstu
2.	KOSISMA: Bergabung, Bekerjasama Dan Bersama	Mohamad Haniff Mohamad Hashim
3.	Rantaian Nilai Makanan dalam Gerakan Koperasi Pertanian Jepun	Hasrin Abu Hassan, Mohd Fitri Ab Rahman
4.	Farm to Fork	Mohd Fitri Ab Rahman, Hasrin Abu Hassan
5.	Ja Aichi Chuokai: Yang Muda Dirai, yang Tua Disayangi	Salwana Ali, Mohd Hamzah Kasim
6.	Ja Aichi Keizairen: Daripada Anggota kepada Pengguna	Hafizal Abu Bakar, Nor Arma Abu Talib
7.	Ja Aichi Chita: "Agrisway" Agris Way to Go	Mohamad Rasydi Abd Rashid, Maryam Hamidah Mohd Ghazi

**C. Buku**

BUKU		
Bil	Tajuk	Penulis
1.	Kajian Kemungkinan Feasibility Study Projek Pembangunan Hartanah	Mohd Razalie Raffae, Ayu Diana Awang, Sharifah Shuzaida Sedin, Mohd Fitri Abd Rahman, Nasuha Nezuakifli
2.	Resipi Daging Arnab	Institut Koperasi Malaysia

Secara keseluruhannya pada tahun 2021 IKMa telah menerbitkan sebanyak 10 penerbitan ilmiah dan bukan ilmiah.

**AKTIVITI BERASASKAN PENGETAHUAN****10 PENERBITAN**

# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI 2022 - 2025 (PTPMIK)

Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022 – 2025 (PTPMIK) merupakan dokumen yang menggariskan perancangan pembangunan (road map) latihan dan pendidikan modal insan koperasi termasuk penyelarasan gerak kerja agensi dan pihak berkepentingan bagi memacu anjakan modal insan koperasi di Malaysia. PTPMIK ini dibangunkan dengan mengambil kira kira kepentingan prinsip koperasi ke-5 iaitu “Pendidikan, Latihan dan Maklumat”. Ini disokong dengan rentetan dasar dan program yang diperkenalkan oleh keajaan dalam melahirkan modal insan koperasi yang berpengalaman sekaligus memacu kecemerlangan gerakan koperasi Malaysia. Pelan yang akan dilancarkan pada awal tahun 2022 terdiri daripada 4 Teras Strategik, 7 Langkah Strategik dan 17 Program dimana akan memberi impak kepada gerakan


koperasi, anggota koperasi, kepimpinan dan pengurusan koperasi dan masyarakat. Matlamat utama PTPMIK ialah:

- i) Perancangan pembangunan modal insan koperasi yang komprehensif dan inklusif
- ii) Penyelarasan tindakan gerak kerja dan penggunaan sumber dalam kalangan pemegang taruh yang berkepentingan
- iii) Penyediaan ‘road map’ latihan dan pendidikan koperasi yang sistematis
- iv) Dokumentasi tindakan dan penilaian pencapaian secara berkala

## 4 Teras Strategik PTPMIK:

- i) Penerapan dan Penghayatan Jati Diri Koperasi
- ii) Pemantapan Latihan dan Pendidikan
- iii) Pembangunan Kepimpinan Koperasi
- iv) Penguasaan Digitalisasi







### **PELANCARAN TECHNOLOGY LAB IR4.0 –**

Sebuah makmal teknologi, “Technology Lab IR4.0” yang terletak di dalam perpustakaan Ibu Pejabat IKMa, telah dilancarkan oleh YBM Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 6 April 2021 bersekali dengan Seminar Online Digitalisasi Koperasi “Pemerkasaan Teknologi Kepada Perniagaan dan Koperasi”. Program ini diadakan bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan di dalam Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dalam sektor koperasi dan keusahawanan dengan memfokuskan kepada teknologi terkini, seiring dengan peredaran masa. Dalam masa yang sama, koperasi dapat menyesuaikan dengan perkembangan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan seterusnya dapat memberi tumpuan kepada elemen utama Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) termasuk Analisa Data Besar (Big Data), Internet of Things (IoT), Simulasi dan Integrasi Sistem dalam gerakan koperasi.

Industri 4.0 adalah istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada proses pembangunan dalam industri pengeluaran dan automasi ke tahap lebih pintar dari yang sedia ada dengan teknologi yang lebih sesuai dan fleksibel. Ini bermakna mesin akan beroperasi secara bebas, atau bekerjasama dengan manusia. Mesin akan beroperasi secara autonomi iaitu menjadi entiti bebas yang akan mengumpul data dan menganalisa. Revolusi Perindustrian 4.0 kini rancak diusahakan serata dunia dari hari ke hari. Sebelum ini platform media massa terkenal melonjak naik seperti *Instagram*, *Spotify*, *Netflix*. Termasuk juga pembangunan servis jual beli secara *online*. Pembangunan aplikasi Internet of Thing (IoT) menunjukkan bahawa sekarang adalah zaman pemodenan teknologi maklumat. Justeru itu, IKMa mengambil inisiatif mewujudkan Technology Lab IR4.0 ini bagi membantu koperasi mempelajari dan memahami teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan seterusnya memberi tumpuan kepada

proses implementasi teknologi Internet of Thing (IoT) di dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dalam gerakan koperasi.

Pengguna Technogy Lab IR4.0

- i. Anggota Koperasi
- ii. Koperasi
- iii. Agensi/kerajaan yang menyelia koperasi
- iv. Usahawan/individu yang berminat



### **SEPKO & SESKO**

Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025 (TransKoM) menggariskan beberapa langkah transformasi bagi memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan. Tujuan ketiga TransKoM iaitu Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Modal Insan bagi mewujudkan modal insan berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju merupakan komponen utama dalam memacu kecemerlangan gerakan koperasi Malaysia. IKMa berperanan memperkasakan modul latihan bersepadu berdasarkan keperluan kumpulan sasar; dan menyediakan latihan pensijilan profesional kepada ALK, pengurusan kanan dan tenaga kerja koperasi.



Selaras dengan itu, IKMa mencadangkan Program Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi yang diiktiraf dalam memperkasakan kompetensi dan keterampilan ALK, pengurusan kanan dan tenaga kerja koperasi yang akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2022. Objektif program untuk menambah menambah baik kualiti pembelajaran berterusan kepada ALK, pengurusan kanan dan tenaga kerja koperasi berkesinambungan dengan keperluan semasa gerakan koperasi. Meningkatkan kompetensi dan keterampilan ALK, pengurusan kanan dan tenaga kerja koperasi dalam mengurus dan mentadbir koperasi.

### **SIJIL PROFESIONAL KOPERASI (CHARTERED COOPERATIVE MANAGEMENT (CCMA) & CHARTERED COOPERATIVE AUDITORS (CCA))**

Penubuhan UKKM yang merupakan sebuah universiti swasta yang menumpukan kepada kebitaraan keusahawanan dan pengurusan koperasi bukan sahaja menumpukan kepada program jangka panjang, tetapi kepada pembangunan program sijil profesional dalam meningkatkan profesionalisme dalam gerakan koperasi. Penubuhan UKKM

merupakan pelengkap kepada IKMa kerana UKKM akan berkolaborasi bersama IKMa dalam proses menjalankan Sijil Profesional koperasi sebagai satu nilai tambah untuk gerakan koperasi iaitu pelaksanaan program Chartered Cooperative Management (CCMa) dan Chartered Cooperative Auditors (CCA). CCMa merupakan program '*microcredentials*' untuk melatih eksekutif dalam sektor koperasi supaya mempunyai ilmu melangkaui amalan normal dalam bidang pengurusan koperasi ke tahap profesional. Manakala CCA merupakan program '*microcredentials*' melahirkan lebih ramai juruaudit koperasi bertauliah.

Sijil profesional ini dijalankan bagi memberi peluang kepada ahli koperasi dan juga awam untuk menambah nilai, ilmu, professional dalam bidang koperasi. Ia dibangunkan secara modular yang berteraskan kepada kursus-kursus peningkatan professional. Program ini akan dilaksanakan dengan 3 tahap bermula Tahap 1 iaitu Nilai Tambah Ilmu Koperasi, Tahap 2 iaitu Modular Aplikasi dan Tahap 3 iaitu Modular Pendanaan Penantarabangsaan. Kedua-dua program melibatkan tenaga akademik profesional daripada industri bagi membolehkan pendedahan secara *hands-on* dapat disampaikan kepada peserta yang akan mengambil tempoh masa 6 bulan. Antara penekanan kursus yang akan ditekankan dalam sijil profesional ini adalah berkaitan Pengurusan & Keusahawanan Koperasi, Pengurusan Sumber Manusia institusi Koperasi, Pemasaran digital dan lain-lain mengikut perkembangan semasa. Selain itu, kursus ini juga merupakan pelengkap kepada kursus wajib yang dijalankan oleh IKMa sendiri. Program Chartered Cooperative Management (CCMa) dan Chartered Cooperative Auditors (CCA) dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2023 seiring dengan pelaksanaan program dan kursus oleh pihak IKMa.



# LAPORAN ANAK SYARIKAT

# LAPORAN ANAK SYARIKAT

## MENGENAI ICOOP

Kolej iCOOP adalah milik penuh MKM Global Holdings Sdn Bhd masih meneruskan program seperti berikut:

### Jadual Bilangan Program dan Bilangan Pelajar/Graduan

Bil	Senarai Program	Bil. Graduan
1	Diploma Pengurusan Koperasi	223
2	Diploma Keusahawanan Koperasi	30
3	Diploma Perakaunan	5
4	Diploma Pengurusan Pentadbiran	4
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>262</b>

# PROGRAM AKTIVITI PELAJAR

### Laporan Aktiviti Pelajar Kolej iCOOP Pada Tahun 2021

Bil	Program	Anjuran	Tarikh
1.	Kemahiran Asas Sebagai Freelance	Kolej iCOOP (Online)	20 Jan 2021
2.	Jom Jana Income Melalui Hobi/Minat	Kolej iCOOP (Online)	10 Feb 2021
3.	Tanya-Tanya Usahawan: Kegawatan Ekonomi Ayuh Bangkit Usahawan	Institut Latihan Kepimpinan KTDKL	10 Mac 2021
4.	Tanya-Tanya Usahawan: From Zero to Hero	Institut Latihan Kepimpinan KTDKL (Online)	7 April 2021

Bil	Program	Anjuran	Tarikh
5.	Webinar Cukai: Apa Usahawan & Belia Perlu Tahu	Majlis Belia Malaysia (Online)	26 Jun 2021
6.	Program Webinar Aura: Peranan Sektor Koperasi Dalam Pendidikan Warga Koperasi (Peranan & Tanggungjawab Kita Bersama)	Yayasan Angkasa (Online)	6 Julai 2021
7.	Webinar Peluang Usahawan Muda Perkasa Usahawan, Bangun Ekonomi	Petro Teguh Sdn Bhd, Angkasa, Majlis Belia Malaysia (MBM) & Majlis Belia Oku Malaysia (Online)	22 Julai 2021
8.	Forum - Akta Koperasi (Pindaan) 2021 [Akta A1634]- "Satu Transformasi Gerakan Koperasi Di Malaysia?"	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) (Online)	24 Julai 2021
9.	Bicara Ilmu & Perasmian Program Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) Zon Tengah "Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Berkoperasi"	Institut Koperasi Malaysia (Online)	29 Julai 2021
10.	Webinar Pemerkasaan Koperasi Wanita "Kelangsungan Koperasi Wanita Mendepani Pandemik Covid-19"	Institut Koperasi Malaysia (Online)	12 Ogos 2021
11.	Open Day Bersama IUKL (Degree Pathway)	Kolej iCOOP (Online)	25 Ogos 2021
12.	Memperkasa Digitalisasi Koperasi	Institut Koperasi Malaysia (Online)	9 Sep 2021
13.	Webinar Kesihatan Covid 19, Kanser Dan Penyakit Tiga Serangkai	Institut Koperasi Malaysia (Online)	18 Sep 2021
14.	Webinar Usahawan Industri Tanaman: Urban Farming Technology	Jabatan Pertanian Malaysia (Online)	29 Sep 2021
15.	Webinar Kesedaran Pemilikan Saham Khas Bumiputera Untuk Koperasi Dan Sesi Dialog Bersama YB Menteri	Institut Koperasi Malaysia (Online)	21 Okt 2021





LENSA  
IKMa

MAJLIS PERASMIAN

**SEMINAR ONLINE DIGITALISASI KOPERASI  
“PEMERKASAAN TEKNOLOGI KEPADA  
PERNIAGAAN DAN KOPERASI”**

PELANCARAN  
**TECHNOLOGY LAB IR4.0**

Diketahui oleh  
**YB DATO SRI DR. HJ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**  
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

6 APRIL 2021

MAJLIS PERASMIAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

AKTIVITI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

DN  
2030



“KOPERASI DALAM ERA ENDEMIK”

“KONIM BAHARU  
KOPERASI MALAYSIA”

“lebih  
BAHARU  
KOPERASI MALAYSIA”

DILAKUKAN OLEH:

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA:









# PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 41.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai perseimbahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

SHAH ALAM, SELANGOR  
27 OKTOBER 2022



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Kami, Datuk Wira (Dr.) Rosli Bin Mat Hassan dan Dato' Zainal Abidin Bin Mat Nor, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan IKMa pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Datuk Wira (Dr.) Rosli Bin Mat Hassan NAMA : Dato' ~~Zainal~~ Abidin Bin Mat Nor

GELARAN : Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah IKMa

Tarikh : 28 JUN 2022

Tarikh : 28 JUN 2022

KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR




**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Datuk Mohd Ali bin Mansor, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan IKMa di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya      )  
 diakui oleh penama di atas      )  
 di Petaling Jaya, Selangor      )  
 pada      **28 JUN 2022**      )

DATUK MOHD ALI BIN MANSOR

Di hadapan saya,



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**  
**Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2021**

Nota	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>ASET</b>				
<b>Aset Semasa</b>				
Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	3	2,514,386	2,816,711	947,717
Simpanan Tetap	4	4,959,698	14,874,622	4,900,000
Wang Tunai dan Baki di Bank	5	29,738,461	4,997,657	8,795,836
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>37,212,545</b>	<b>22,688,990</b>	<b>14,643,553</b>
				<b>19,437,800</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>				
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	119,434,264	119,711,438	118,689,278
Kerja Dalam Perlaksanaan	7	1,807,403	2,266,952	1,658,060
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	-
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari	9	-	-	61,880
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>121,241,667</b>	<b>121,978,390</b>	<b>146,058,774</b>
				<b>123,157,083</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>158,454,212</b>	<b>144,667,380</b>	<b>160,702,327</b>
				<b>142,594,883</b>
<b>LIABILITI</b>				
<b>Liabiliti Semasa</b>				
Pembiayaan, Lain-lain Pembiayaan	10	10,219,099	7,095,745	6,501,198
Pinjaman Qardul Hasan (SKM)	11	-	1,062,650	-
Geran Pembangunan & Amanah	12	17,608,788	18,114,305	17,608,788
Manfaat Pekerja	13	508,982	3,231	508,982
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>28,336,869</b>	<b>26,275,931</b>	<b>24,618,968</b>
				<b>24,208,718</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>				
Manfaat Pekerja	13	2,970,314	3,069,389	2,970,314
Pinjaman Belum Lunas		-	5,284	-
Pinjaman Qardul Hasan (SKM)	11	-	1,062,650	-
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>2,970,314</b>	<b>4,137,323</b>	<b>2,970,314</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>31,307,183</b>	<b>30,413,254</b>	<b>27,589,282</b>
				<b>28,340,757</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>127,147,029</b>	<b>114,254,126</b>	<b>133,113,045</b>
				<b>114,254,126</b>
<b>EKUITI</b>				
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		800,000	800,000	800,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		100,000	100,000	100,000
Lebihan Terkumpul		123,450,621	110,557,718	129,416,637
Dana Rezab	14	2,796,408	2,796,408	2,796,408
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>127,147,029</b>	<b>114,254,126</b>	<b>133,113,045</b>
				<b>114,254,126</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

<b>Nota</b>	<b>KUMPULAN</b>		<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
	<b>Seperti Yang Dinyatakan Semula</b>		<b>Seperti Yang Dinyatakan Semula</b>	
<b>Hasil</b>				
Terimaan dari Kumpulan				
Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)	37,006,500	19,580,545	37,006,500	19,580,545
Terimaan Kerajaan untuk Emolumen	14,500,000	15,481,900	14,500,000	15,481,900
Geran pembangunan dilunaskan	279,132	295,423	279,132	295,423
Pendapatan bersih kewangan (hibah bank)	278,748	419,394	278,748	419,394
Yuran	15 270,413	1,725,224	127,495	320,068
Sewaan		21,995	68,861	21,995
Pelbagai terimaan	16 901,144	82,497	59,567	60,168
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>53,257,932</b>	<b>37,653,844</b>	<b>52,273,437</b>	<b>36,226,359</b>
<b>Perbelanjaan</b>				
Kos kakitangan	17 16,220,491	15,064,544	14,336,335	14,116,766
Perkhidmatan dan bekalan	18 16,673,108	12,922,342	12,804,122	11,744,146
Perbelanjaan kursus jangka panjang / pendek		2,863,468	5,409,082	2,863,468
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	19 414,369	659,268	377,067	518,320
Susut nilai		3,038,553	2,498,023	2,733,885
Kerugian rosot nilai penghutang		920,016	41,196	2,740
Peruntukan manfaat kakitangan (GCR)	13 395,322	379,064	395,322	379,064
Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan	13 14,585	26,050	14,585	26,050
Kerugian rosot nilai pelaburan subsidiari	8 -	-	61,880	4,013,120
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>40,539,912</b>	<b>36,999,569</b>	<b>33,589,404</b>	<b>37,730,653</b>
<b>Lebihan / (Kurangan) Pendapatan</b>	<b>12,718,020</b>	<b>654,275</b>	<b>18,684,033</b>	<b>(1,504,294)</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMA)**  
**Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

Nota	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Lebihan Terkumpul	Kerugian Terkumpul Subsidiari	Dana Rezab	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Baki Pada 1 Januari 2020</b>						
(Kurangan) / Lebihan Tahun Semasa	-	-	-	(1,504,294)	2,158,569	-
Pindahan ke Dana Rezab	14	-	-	(868,491)	-	868,491
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>				<b>110,557,718</b>	<b>2,796,408</b>	<b>114,254,126</b>
<b>Baki Pada 1 Januari 2021</b>						
Pelarasan	-	-	-	174,886	363,230	-
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa	-	-	-	18,684,033	(6,329,246)	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2021</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>129,416,637</b>	<b>(5,966,016)</b>	<b>2,796,408</b>	<b>127,147,029</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMA)**  
**Penyata Perubahan Ekuiti IKMA**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

Nota	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		Lebihan Terkumpul		Dana Rezab		JUMLAH	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2020	800,000	100,000	112,930,503	1,927,917	(1,504,294) (868,491)	868,491	(1,504,294)	-
(Kurangan) Tahun Semasa Pindahan ke Dana Rezab	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>110,557,718</b>	<b>2,796,408</b>	<b>2,796,408</b>	<b>2,796,408</b>	<b>114,254,126</b>	<b>114,254,126</b>
Baki Pada 1 Januari 2021	800,000	100,000	110,557,718	2,796,408	174,886	-	174,886	-
Pelarasan	-	-	-	-	18,684,033	-	18,684,033	-
Lebihan Tahun Semasa								
<b>Baki Pada 31 Disember 2021</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>129,416,637</b>	<b>2,796,408</b>	<b>2,796,408</b>	<b>2,796,408</b>	<b>133,113,045</b>	<b>133,113,045</b>

Nota-nota berserta dengan pernyataan ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**  
**Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>				
Lebihan / (Kurangan) pendapatan	12,718,020	654,275	18,684,033	(1,504,294)
<b>Pelarasan:</b>				
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	3,038,553	2,498,023	2,733,885	2,420,624
Penyusutan Nilai Pelaburan Subsidiari	-	-	61,880	4,013,120
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	15,756,573	3,152,298	21,479,798	4,929,450
Penurunan / (kenaikan) penghutang	302,323	104,146	(23,973,169)	1,694,647
kenaikan / (Penurunan) pembiutang	1,399,444	1,298,426	(245,960)	402,533
<b>Aliran tunai diperolehi daripada aktiviti operasi</b>	<b>17,458,340</b>	<b>4,554,870</b>	<b>(2,739,331)</b>	<b>7,026,630</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan</b>				
Perolehan aset tetap	(2,759,710)	(2,430,750)	(1,624,784)	(2,414,202)
Jualan Aset Tetap	173,218	122,604	2,215	120,948
Kerja Dalam Pelaksanaan (pelunasan)	459,549	(608,892)	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	-	-	-	(4,075,000)
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(2,126,943)</b>	<b>(2,917,038)</b>	<b>(1,622,569)</b>	<b>(6,368,254)</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Perbelanjaan daripada aktiviti pembiayaan Geran	(646,082)	(626,739)	(646,082)	(626,739)
Terimaan Akaun Amanah	140,565	715,027	140,565	715,027
<b>Tunai Bersih daripada aktiviti pembiayaan</b>	<b>(505,517)</b>	<b>88,288</b>	<b>(505,517)</b>	<b>88,288</b>
Tambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	14,825,880	1,726,120	(4,867,417)	746,664
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai	19,872,279	18,146,159	18,563,253	17,816,589
<b>Baki akhir tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>34,698,159</b>	<b>19,872,279</b>	<b>13,695,836</b>	<b>18,563,253</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>				
Simpanan Tetap	4,959,698	14,874,622	4,900,000	14,700,000
Baki Tunai dan Bank	29,738,461	4,997,657	8,795,836	3,863,253
	<b>34,698,159</b>	<b>19,872,279</b>	<b>13,695,836</b>	<b>18,563,253</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**  
**Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2021**

<b>Perkara</b>	<b>Bajet Diluluskan</b>	<b>Hasil / Perbelanjaan Sebenar</b>	<b>Perbezaan Bajet Diluluskan dan Sebenar</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2021 RM</b>	<b>2021 RM</b>	<b>Varian %</b>
<b>Hasil</b>				
Terimaan dari Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)	18,000,000	37,006,500	19,006,500	106%
Terimaan kerajaan untuk emolumen	14,500,000	14,500,000	-	0%
Pendapatan bersih kewangan (Hibah Bank)	200,000	278,748	78,748	39%
Yuran	350,000	127,495	(222,505)	-64%
Sewaan	190,000	21,995	(168,005)	-88%
Pelbagai terimaan	60,000	59,567	(433)	-1%
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>33,300,000</b>	<b>51,994,305</b>	<b>18,694,305</b>	56%
<b>Perbelanjaan</b>				
Kos kakitangan	14,500,000	14,336,335	(163,665)	-1%
Perkhidmatan dan bekalan	11,807,504	12,524,990	717,486	6%
Perbelanjaan kursus dalam dan luar	4,908,671	2,863,468	(2,045,203)	-42%
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	482,850	377,067	(105,783)	-22%
Perolehan aset mudah alih	1,600,975	1,624,784	23,809	1%
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>33,300,000</b>	<b>31,726,644</b>	<b>(1,573,356)</b>	-5%
<b>Lebihan Hasil atas Perbelanjaan</b>	<b>-</b>	<b>20,267,661</b>	<b>20,267,661</b>	

Penjelasan:

- 1) **Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)** - peningkatan 106% adalah disebabkan oleh penyaluran peruntukan tambahan bagi program jangka panjang
- 2) **Yuran** - penurunan 64% adalah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan program tidak dapat dilaksanakan.
- 3) **Sewaan** - penurunan 88% adalah disebabkan oleh PKP dan program tidak dapat dilaksanakan.
- 4) **Perbelanjaan kursus dalam dan luar** - penurunan sebanyak 42% pada tahun 2021 adalah kerana pelaksanaan PKP oleh pihak kerajaan yang menyebabkan banyak program terpaksa ditangguhkan
- 5) **Perbelanjaan-perbelanjaan lain** - penurunan sebanyak 22% adalah juga kesan daripada pelaksanaan PKP yang menyebabkan perbelanjaan seperti caj bank cukai dan lain-lain turut berkurangan.

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**  
**Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

## 1. PENGENALAN

### a) Maklumat Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah ditubuhkan pada tahun 1956 dan diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968. Semenjak dari penubuhan IKMa, segala perbelanjaan mengurus ditanggung dari dana Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK) di mana dana KWAPK ini dijana daripada caruman 2% atas keuntungan bersih koperasi. Manakala perbelanjaan untuk pembangunan, dana diperoleh daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu bermula pada tahun kewangan 2009, pihak kerajaan bersetuju menanggung perbelanjaan emolumen kakitangan IKMa yang mana menjadikan sumber bajet mengurus IKMa dipecahkan kepada dua sumber kewangan iaitu bajet emolumen ditanggung oleh kerajaan manakala perbelanjaan mengurus selain emolumen termasuk perolehan aset tetap ditanggung oleh KWAPK. Aktiviti utama IKMa adalah memberi latihan dalam bidang koperasi dengan menganjurkan kursus-kursus jangka pendek manakala kursus jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) dikendalikan oleh syarikat subsidiari MKM Global Holdings Sdn.Bhd. Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021 telah diluluskan Lembaga IKMa melalui Mesyuarat Lembaga Bil.3.2022 pada 28 Jun 2022.

### b) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan IKMa disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*MPSAS- Malaysian Public Sector Accounting Standard*) 2016 dan peruntukan Akta 437, Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan), 1968 pindaan 2019.

### c) Polisi Perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan IKMa adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian atas penjejasan. Susut nilai dibuat mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat harta tanah, loji dan peralatan berkenaan. Bagi tanah pajakan kewangan susut nilai adalah berdasarkan kepada usia guna (*useful life*). Dasar untuk mengenal pasti dan mengukur kerugian penjejasan adalah dijelaskan di dalam Nota 2(b). Hartanah, loji dan peralatan akan diiktiraf setelah inbois pembekal direkod ke dalam sistem SAGA. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM1,000 dan ke atas diiktiraf sebagai aset manakala yang dibeli kurang daripada RM1,000 akan dikira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan. Namun begitu jika terdapat aset yang dibeli dengan harga kurang dari RM1,000 tetapi memerlukan penyelenggaraan berjadual maka harta tanah, loji dan peralatan tersebut akan dikira sebagai aset tetap. Bagi perolehan tanah atau bangunan segala kos yang terlibat akan diiktirafkan sebagai kos harta tanah, loji dan peralatan berdasarkan kepada jumlah sebenar yang dibayar pada tahun kewangan dan bukannya berdasarkan kepada kerja siap sepenuhnya. Pengiktirafan ini akan menyebabkan semua kerja-kerja dalam pembangunan akan dipersembahkan di dalam nota 6 Penyata Kedudukan Kewangan di bawah tajuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

Kadar susut nilai tahunan harta tanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan kewangan 99 tahun	Usia guna 99 tahun
Bangunan Pejabat	2%
Kenderaan	20%
Perabot Dan Kemasan	20%
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan/Kelengkapan Komputer	25%
Peralatan Pandang Dengar Dan Fotografi	15%
Peralatan/Kelengkapan Dapur	10%
Peralatan Komunikasi	20%
Kelengkapan Percetakan	15%
Peralatan/Perkakasan Elektrik	20%
Kelengkapan Bekerja	20%

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

#### i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pentunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

#### i. Aset Penjanaan Tunai (Sambungan)

amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

#### ii. Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah menggunakan pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Bagi menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

#### ii. Penjanaan Bukan Tunai (Sambungan)

yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan dalam bank serta simpanan tetap yang tidak disandarkan kepada sebarang jaminan.

### d) Terimaan Peruntukan Pembangunan Sumber Manusia

Peruntukan yang diterima dari kerajaan melalui kementerian bagi membiayai program di atas, ditunjukkan sebagai peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan. Semua perbelanjaan akan dicaj ke dalam akaun tersebut dalam tempoh ianya berlaku. Bagi program Pembangunan Sumber Manusia, perbelanjaan yang melibatkan perolehan aset tetap akan dipermodalkan dan susut nilai akan dikira seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a).

### e) Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah merupakan dana yang diterima daripada pihak ketiga untuk tujuan yang tertentu di mana dana tersebut akan digunakan bagi program-program yang dirancang. Antara program

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### e) Kumpulan Wang Amanah (Sambungan)

yang dilaksanakan melalui peruntukan Dana Amanah ini adalah seperti *Malaysian Technical Cooperation Programs* (MTCP), penyelidikan dan tajaan biasiswa / pinjaman untuk pelajar jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) IKMa.

Gaji, upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa, imbuhan tahunan dan manfaat bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan IKMa.

### f) Manfaat Kakitangan

#### i. Pelan Caruman Tetap

IKMa juga menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu skim sumbangan yang ditakrifkan. Skim sumbangan yang ditakrifkan ialah satu skim di mana IKMa membayar sumbangan yang ditetapkan tetapi tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar sumbangan yang lebih sekiranya dana ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tempoh semasa atau tempoh yang lalu. Sumbangan kepada skim sumbangan yang ditakrifkan akan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya dikaitkan.

#### ii. Peruntukan Manfaat Persaraan

Peruntukan manfaat persaraan kakitangan IKMa berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30. Peruntukan yang dibuat pada tahun semasa kewangan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan hari Gantian Cuti Rehat (GCR) maksimum setiap tahun sebanyak 15 hari sebagaimana pekeliling dengan mengambilkira gaji asas kakitangan pada akhir tahun kewangan tersebut berdasarkan kepada asas akruan. Peruntukan ini dipersembahkan pada tajuk manfaat kakitangan pada Penyata Kedudukan Kewangan manakala peruntukan manfaat kakitangan pada Penyata Prestasi Kewangan. Bagi pembayaran pula, bayaran GCR dibayar selepas kakitangan bersara berdasarkan kepada jumlah bilangan hari GCR sebenar yang dikumpul sepanjang tempoh kakitangan berkhidmat berdasarkan kepada gaji asas terakhir kakitangan tersebut.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### f) Manfaat Kakitangan (Sambungan)

#### iii. Manfaat Kesihatan Kakitangan

Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan adalah berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30 yang mana peruntukan dibuat berdasarkan kepada 3% daripada jumlah pendapatan dalaman setahun. Manfaat kesihatan kakitangan ini adalah bagi pembiayaan kos-kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan seperti rawatan jantung dan dialisis kakitangan serta ahli keluarga kakitangan yang layak.

### g) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan IKMa diiktiraf atas dasar akruan kecuali terimaan dari kerajaan. Penyata Prestasi Kewangan yang disediakan hanya merangkumi transaksi Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Pembangunan sahaja. Transaksi bagi Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang Pembangunan ditunjukkan secara kumulatif dalam nota 13 kepada Penyata Kewangan.

### h) Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti apabila terdapatnya kewajipan semasa, secara sah atau konstruktif, disebabkan oleh peristiwa yang telah berlaku, apabila berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merupakan sebahagian daripada manfaat ekonomi adalah perlu untuk menyempurnakan kewajipan tersebut, dan anggaran yang pasti bagi kewajipan tersebut dapat dibuat.

### i) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dibawa ke Penyata Kedudukan Kewangan termasuk wang tunai dan baki di bank, penghutang dan pemutang. Ia dikenal pasti dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila IKMa merupakan satu pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut. Kaedah pengiktirafan yang digunakan didedahkan di dalam penyata polisi kewangan secara individu yang berkaitan dengan setiap item. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan sebenar urusan kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang-pemegang instrumen kewangan dikelaskan sebagai ekuiti dan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila IKMa mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi dan bertujuan untuk menyelesaikan sama ada atas asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### j) Pelaburan Dalam Subsidiari

Subsidiari adalah sebuah syarikat di mana kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperolehi manfaat daripada aktivitinya. Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai jika ada.

### k) Cukai

IKMa merupakan sebuah agensi yang dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan bersifat sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diantara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa didalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang boleh dikenakan cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan bagi maksud percukaian serta kerugian dan kredit cukai yang belum digunakan, sekiranya berkemungkinan terdapat keuntungan boleh dikenakan cukai sedia untuk digunakan ke atas perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan, serta baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibbah atau muhibbah negatif yang terhasil.

### l) Asas Penyatuan

Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Prestasi Kewangan IKMa dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari adalah entiti di mana IKMa mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuat kuasa mengikut kesesuaian. Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan. Perbezaan diantara kos

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### I) Asas Penyatuan (Sambungan)

pengambilalihan dan nilai saksama bahagian IKMa daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan sebagai muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula. Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf, jika ada. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

### m) Bajet Mengurus

Bajet mengurus tahunan IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Sumber bajet mengurus IKMa ini terdiri daripada 3 sumber dana iaitu daripada KWAPK, Kerajaan Persekutuan melalui MEDAC dan sumber dalaman IKMa. Bajet mengurus ini akan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan IKMa dan seterusnya diluluskan di Lembaga. Kelulusan ini akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa KWAPK di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Namun begitu akan wujud perbezaan jumlah bajet yang diluluskan oleh Lembaga dengan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa KWAPK dan juga Kerajaan Persekutuan. Perbezaan ini akan dibuat pelarasan dan seterusnya akan dibawa kepada kelulusan YB Menteri bagi kebenaran menggunakan bajet tersebut pada tahun berikutnya sebagaimana peruntukan Akta IKMa.

### m) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar

Asas bagi penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai manakala perbelanjaan sebenar menggunakan kaedah akruan. Penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan hanya bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun manakala bagi perbelanjaan sebenar ia nya melangkaui tahun kewangan di mana peruntukan terakru akan dibuat bagi perbelanjaan yang telah diluluskan namun tidak sempat untuk dibuat pembayaran pada tahun semasa.



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar (Sambungan)

Peruntukan terakru ini akan direkod sebagai liabiliti semasa pada Penyata Kedudukan Kewangan. Terdapat perbezaan dari segi masa kerana tempoh bajet yang disediakan berbeza daripada tempoh kewangan ini disediakan manakala perbezaan entiti pula wujud disebabkan oleh kerana bajet tidak mengambilkira program yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

### o) Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi.

### p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

#### i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

#### ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut;

#### 1) Kerugian Rosot Nilai Bagi Belum Terima

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

#### ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

##### 2) Perubahan Anggaran Jangka Hayat Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan disusut nilaiakan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartaanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberikan kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset yang pada masa hadapan akan disemak semula.

### q) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga dan untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia adalah menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut;

#### i. Pinjaman Dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf didalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### q) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

#### i. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf didalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

#### r) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga dan untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia adalah menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan didalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut;

#### i. Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

#### ii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk;

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### r) Aset Kewangan (Sambungan)

#### ii. Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

1. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
2. Pembayaran tertunggak
3. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan. Jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

Akaun-akaun penghutang IKMa dinyatakan pada nilai boleh realis. Bermula tahun 2007, IKMa telah melaksanakan polisi baru berkenaan dengan kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang mana polisi tersebut telah diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Bil.1 Tahun 2008. Polisi kerugian rosot nilai yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bawah:

- Hutang yang melebihi 1 tahun tetapi kurang 2 tahun akan diperuntukkan sebanyak 50%
- Hutang yang melebihi 2 tahun tetapi kurang 3 tahun akan diperuntukkan sebanyak 75%
- Hutang yang melebihi 3 tahun tetapi kurang 4 tahun akan diperuntukkan sebanyak 100%

Untuk kerugian rosot nilai yang melebihi tempoh 4 tahun jumlahnya akan dipindahkan kepada kerugian rosot nilai lapuk. Penghutang yang telah melebihi usia 5 tahun, yang gagal dikutip setelah segala usaha kutipan dijalankan akan dibawa ke Lembaga untuk diluluskan bagi proses hapuskira.



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### r) Aset Kewangan (Sambungan)

#### iii. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

#### s) Muhibbah

Muhibbah wujud daripada penyatuan perniagaan dan pada awalnya diukur berdasarkan kos. Setelah pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur muhibbah yang didapati dalam penyatuan perniagaan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Pelunasan muhibbah diiktiraf di dalam Penyata Kewangan melalui kaedah garis lurus diatas jangkaan hayat selama 10 tahun berdasarkan nilai saksama jangkaan hayat tidak dapat dibuat.

#### t) Kerja Dalam Pelaksanaan (KDP)

Kerja dalam pelaksanaan adalah merupakan perbelanjaan yang dibuat kepada sesuatu projek / program yang masih belum diselesaikan melangkaui tempoh perakauan semasa yang mana pembayaran dibuat mengikut kemajuan projek. Setelah projek / program tersebut selesai, perkara yang melibatkan aset tetap akan dibuat pelarasan kepada akaun aset tetap manakala yang melibatkan perbelanjaan akan dicajkan kepada akaun belanja. KDP IKMa merupakan bayaran premium tanah di Paya Lang, Mukim Triang Daerah Bera Pahang.

#### u) Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari diluluskan oleh pihak Lembaga IKMa melalui mesyuarat lembaga IKMa bagi membantu pihak syarikat menguruskan perbelanjaan operasi dan perkara ini direkodkan sebagai Pendahuluan kepada syarikat subsidiari di bawah aset bukan semasa.

### 3. PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Penghutang (a)	1,648,749	1,435,017	82,080	24,576
Penghutang Pinjaman Komputer (b)	39,504	19,699	39,504	19,699
Penghutang Pinjaman Kenderaan (b)	412,793	417,650	412,793	417,650
Pendahuluan;				
Kakitangan (Perjalanan) (c)	4,977	5,675	4,977	5,675
Kakitangan (Pelbagai) (c)	447	-	447	-
Pertaruhan	407,916	938,670	407,916	406,947
	<b>2,514,386</b>	<b>2,816,711</b>	<b>947,717</b>	<b>874,547</b>

Terma penghutang, pendahuluan dan pertaruhan adalah seperti di bawah;

- Kredit bagi penghutang adalah di antara pembayaran pendahuluan kepada 90 hari.
- Penghutang Pinjaman Komputer dan Kenderaan meliputi kakitangan IKMa sahaja. Bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2000. Tempoh bayaran balik bagi kedua-dua jenis pinjaman adalah masing-masing tertakluk kepada maksimum empat dan sembilan tahun.
- Pendahuluan kepada kakitangan dan lain-lain tidak dikenakan faedah dengan tempoh bayaran balik dalam tiga tahun.

### 4. SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Bank Berlesen	4,959,698	14,874,622	4,900,000	14,700,000

Kadar keuntungan pelaburan pada tahun kewangan adalah di antara 3.00% hingga 3.40% setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah di antara simpanan harian, mingguan 30 hari hingga 180 hari. Wang tunai sedia ada di bank boleh dikeluarkan jika perlu.

**5. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK**

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Tunai Dalam Tangan	9,381	13,171	9,381	13,171
Baki Di Bank	29,729,080	4,984,486	8,786,455	3,850,082
	<b><u>29,738,461</u></b>	<b><u>4,997,657</u></b>	<b><u>8,795,836</u></b>	<b><u>3,863,253</u></b>

## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

### KUMPULAN 2021

Butir-Butir Aset (1)	Kos Aset						Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih (6)-(11)=(12)
	Pada 01.01.21		Tambahan 2021		Pelupusan 2021		Pada 01.01.21	Tambahan 2021	Pelupusan 2021	Pada 31.12.21	
	(2)	(3)	(4)	(5)	(2)+(3)+(4)+(5)=(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(8)+(9)+(10)=(11)	
Tanah Pajakan dari KPTC	115,038,793	-	-	-	115,038,793	10,458,072	1,161,892	-	-	11,619,964	103,418,829
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	-	13,736,799	2,478,503	274,736	-	-	2,753,239	10,983,560
Kenderaan	3,668,972	636,240	(363,805)	-	3,960,407	2,500,047	401,366	(192,802)	(3,955)	2,704,636	1,255,751
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	4,853,348	126,917	(29,480)	12,350	595,135	424,289	32,227	(29,444)	-	427,072	168,063
Perabot dan Kemasan	612,853	298,994	(10,974)	-	900,873	494,761	125,954	(10,969)	(31,361)	578,385	322,488
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,874,820	808,467	(161,885)	(2,600)	7,578,802	5,828,128	441,468	(161,840)	(2,605)	6,105,151	1,413,651
Peralatan/Perkakasan Elektrik	3,216,081	441,867	(61,895)	116,200	3,712,253	1,910,780	435,063	(59,778)	(10,521)	2,275,544	1,436,709
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	262,261	2,800	-	(15,806)	249,255	197,850	33,536	-	(18,205)	213,181	36,074
Peralatan/Pandang Dengar dan Fotografi	411,723	73,771	(22,367)	(10,554)	452,573	340,754	20,604	(22,355)	(10,550)	328,453	124,120
Kelengkapan Bekerja	4,650	-	-	(1,900)	2,750	2,749	-	-	-	2,749	1
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	53,100	-	-	-	53,100	45,048	1,485	-	-	46,533	6,5567
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	-	56,157	48,138	1,241	-	-	49,379	6,7778
Pengubahan	-	370,654	-	-	370,654	-	108,981	-	-	108,981	261,673
<b>Jumlah (A)</b>	<b>144,440,557</b>	<b>2,759,710</b>	<b>(650,406)</b>	<b>97,690</b>	<b>146,647,551</b>	<b>24,729,119</b>	<b>3,038,553</b>	<b>(477,188)</b>	<b>(77,197)</b>	<b>27,213,287</b>	<b>119,434,264</b>



## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

KESELURUHAN IKMA 2021

Butir-Butir Aset (1)	Kos Aset						Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih (6)-(1)+(12)
	Pada 01.01.21 (2)	Tambahan 2021 (3)	Pelupusan 2021 (4)	Pada 31.12.21 (5)	Pada 01.01.21 (6)	Tambahan 2021 (7)	Pelupusan 2021 (8)	Pada 31.12.21 (9)	Pada 31.12.21 (10)		
	RM										
Tanah Pajakan dari KPfC	115,038,793	-	-	-	115,038,793	10,458,072	116,1892	-	-	11,619,964	103,418,829
Bangunan Pejabat Kenderaan	13,736,799	-	-	-	13,736,799	2,478,502	274,736	-	-	2,753,238	10,983,561
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	3,521,478	438,929	(29,480)	12,350	3,960,407	2,341,877	366,735	-	(3,955)	2,704,657	1,255,750
Perabot dan Kemasan	454,613	20,850	(10,974)	-	458,333	414,003	18,986	(29,444)	-	403,545	54,788
Peralatan/Kelengkapan Komputer	444,922	47,778	(16,895)	(2,600)	481,726	383,790	33,578	(10,969)	(31,361)	375,038	106,688
Peralatan/Kelengkapan Elektrik	6,837,716	598,789	(61,895)	7,272,020	5,791,022	386,029	(161,840)	(2,605)	(2,605)	6,012,606	1,259,414
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	3,216,080	441,867	(61,895)	116,200	3,712,252	1,910,781	435,063	(59,778)	(10,521)	2,275,545	1,436,707
Peralatan/Pandang Dengar dan Fotografi	262,261	2,800	-	(15,806)	249,255	197,850	33,536	-	(18,205)	213,181	36,074
Kelengkapan Bekerja	411,723	73,771	(22,367)	(10,554)	452,573	340,753	20,604	(22,355)	(10,550)	328,452	124,121
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	4,650	-	-	(1,900)	2,750	2,749	-	-	-	2,749	1
Peralatan/Kelengkapan Dapur	53,100	-	-	-	53,100	45,048	1,485	-	-	46,533	6,567
<b>Jumlah (A)</b>	<b>144,038,292</b>	<b>1,624,784</b>	<b>(286,601)</b>	<b>97,690</b>	<b>145,474,165</b>	<b>24,412,585</b>	<b>2,733,885</b>	<b>(284,386)</b>	<b>(77,197)</b>	<b>26,784,837</b>	<b>118,689,278</b>



## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

KUMPULAN 2020

Butir-Butir Aset (1)	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih Pada 31.12.20 (5) - (9)
	Pada 01.01.20 (2)	Tambahan 2020 (3)	Pelupusan 31.12.20 (4)	Pada 01.01.20 (2)+(3)+(4)=(5)	Pada Tambahan 2020 (6)	Pelupusan 31.12.20 (7)	Pada 31.12.20 (8)		
	RM								
Tanah Pajakan dari KPTG	115,038,793	-	-	115,038,793	9,296,064	1,162,008	-	104,580,721	
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	2,203,767	274,736	-	2,478,503	11,258,296
Kenderaan	3,241,703	642,949	(196,680)	3,687,972	2,365,521	331,204	(196,678)	2,500,047	1,187,925
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	494,448	19,048	(28,148)	485,348	427,453	24,964	(28,128)	424,289	61,059
Perabot dan Kemasan	592,622	29,030	(8,799)	612,853	428,674	74,884	(8,797)	494,761	118,092
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,276,733	601,031	(2,944)	6,874,820	5,561,288	268,128	(1,288)	5,828,128	1,046,692
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,450,980	1,071,409	(306,308)	3,216,081	1,787,363	308,841	(185,424)	1,910,780	1,305,301
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	256,611	5,650	-	262,261	154,266	43,584	-	197,850	64,411
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	433,280	59,733	(81,290)	411,723	415,056	6,948	(81,250)	340,754	70,969
Kelengkapan Bekerja	2,750	1,900	-	4,650	2,749	-	-	2,749	1,901
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	55,100	-	-	53,100	43,563	1,485	-	45,048	8,052
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	56,157	46,897	1,241	-	48,138	8,019
<b>Jumlah (A)</b>	<b>142,633,976</b>	<b>2,430,750</b>	<b>(624,169)</b>	<b>144,440,557</b>	<b>22,732,661</b>	<b>2,498,023</b>	<b>(501,565)</b>	<b>24,729,119</b>	<b>119,711,438</b>



## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

IKMa 2020

Butir-Butir Aset (n)	Kos Aset					Susut Nilai Terkumpul			Nilai Bersih Pada 31.12.20 (5)-(9)=(10)
	Pada 01.01.20	Tambahan 2020	Pelupusan 2020	Pada 31.12.20	Pada 01.01.20	Tambahhan 2020	Pelupusan 2020	Pada 31.12.20	
	(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(6)+(7)+(8)=(9)	
<b>RM</b>									
Tanah Pajakan dari KPTC	115,038,793	-	-	115,038,793	9,296,064	1,162,008	-	10,458,072	104,580,721
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	2,203,766	274,736	-	2,478,502	11,258,297
Kenderaan	3,075,209	642,949	(196,680)	3,521,478	2,240,650	297,905	(196,678)	2,241,877	1,179,601
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	477,961	4,800	(28,148)	454,613	418,733	23,398	(28,128)	414,003	40,610
Perabot dan Kemasan	426,991	26,730	(8,799)	444,922	359,685	32,902	(8,797)	383,790	61,132
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,236,685	601,031	-	6,837,716	5,523,446	267,576	-	5,791,022	1,046,694
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,450,979	1,071,409	(306,308)	3,216,080	1,787,364	308,841	(185,424)	1,910,781	1,305,299
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	256,611	5,650	-	262,261	154,266	43,584	-	197,850	64,411
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	433,280	59,733	(81,290)	411,723	415,055	6,948	(81,250)	340,753	70,970
Kelengkapan Bekerja	2,750	1900	-	4,650	2,749	-	-	2,749	1,901
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	53,100	-	-	53,100	43,563	1,485	-	45,048	8,052
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	56,157	46,897	1,241	-	48,138	8,019
<b>Jumlah (A)</b>	<b>142,245,315</b>	<b>2,414,202</b>	<b>(621,225)</b>	<b>144,038,292</b>	<b>22,492,238</b>	<b>2,420,624</b>	<b>(500,277)</b>	<b>24,412,585</b>	<b>119,625,707</b>

## 7. KERJA DALAM PELAKSANAAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	2,266,952	1,658,060	1,658,060	1,658,060
Tambahan	149,343	608,892	-	-
Pelunasan	(608,892)	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,807,403</b>	<b>2,266,952</b>	<b>1,658,060</b>	<b>1,658,060</b>

## 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

- a) Kedudukan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

	KUMPULAN / IKMa	
	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	61,880	-
Tambahan Pelaburan Tahun Semasa	-	4,075,000
Rosot Nilai Pelaburan	(61,880)	(4,013,120)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-</b>	<b>61,880</b>

- b) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

<b>Saham Tidak Tersiar Harga, Pada Kos</b>				
				<b>61,880</b>

- c) Syarikat Subsidiari Dan Pegangan Saham Di Dalamnya Adalah Seperti Berikut;

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Kegiatan Utama
	2021	2020	
<b>MKM GLOBAL HOLDING SDN. BHD</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>Perkhidmatan latihan dan pengurusan program pendidikan</b>

## **8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (Sambungan)**

- d) Pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM10,075,000 telah dirosotnilaikan berjumlah RM10,075,000. Maklumat pelaburan dan rosot nilai dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut;

<b>PERKARA</b>	<b>RM</b>
<b>(A) PELABURAN:</b>	
TAHUN 2013	2,000,000
TAHUN 2015	1,000,000
TAHUN 2016	500,000
TAHUN 2018	2,500,000
TAHUN 2020	4,075,000
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>10,075,000</b>
<b>(B) ROSOT NILAI:</b>	
TAHUN 2017	2,724,533
TAHUN 2018	3,275,467
TAHUN 2020	4,013,120
TAHUN 2021	61,880
<b>JUMLAH ROSOT NILAI</b>	<b>10,075,000</b>
<b>(A) - (B) BAKI PELABURAN DALAM SUBSIDIARI</b>	<b>-</b>

## **9. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI**

	<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
Baki pada 1 Januari	1,811,436	1,811,436
Tambahan	23,900,000	-
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>25,711,436</b>	<b>1,811,436</b>

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah bagi tujuan bantuan operasi syarikat subsidiari. Sepanjang tahun kewangan 2021, IKMa telah menyalurkan dana berjumlah RM23.9 juta kepada syarikat subsidiari yang mana sebanyak RM3.9 juta kepada MKM Global Holdings Sdn Bhd sebagai bantuan operasi manakala baki berjumlah RM20 juta kepada UKKM Education Sdn Bhd bagi tujuan penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM)



## 10. PEMIUTANG, LAIN-LAIN PEMIUTANG

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pelbagai Pemuitang	3,718,251	1,832,984	350	36,666
Akaun Tabung Pelajar	233,364	233,363	233,364	233,363
Program Inkubator Sektor	998,500	1,000,000	998,500	1,000,000
Cukai	-	64,266		
Peruntukan Perbelanjaan Terakru;				
Peruntukan Khas	5,218,984	3,665,132	5,218,984	3,458,503
Peruntukan Am	50,000	300,000	50,000	300,000
	<b>10,219,099</b>	<b>7,095,745</b>	<b>6,501,198</b>	<b>5,028,532</b>

Syarat hutang bagi pelbagai pemuitang adalah pembayaran kepada pemuitang dalam tempoh 14 hari berdasarkan kepada salinan dokumen tuntutan yang lengkap.

## 11. PINJAMAN QARDUL HASAN (SKM)

Pada 30 Ogos 2017, IKMa menandatangani perjanjian Pinjaman Qardul Hasan (SKM) berjumlah RM5 juta dengan pihak SKM bagi membiayai Dana Pelancaran Pendidikan Tinggi Koperasi oleh Kolej iCOOP. Pinjaman ini didominasi dalam Ringgit Malaysia, tidak bercagar, tidak ada caj hibah dengan tempoh pinjaman selama 60 bulan serta pembayaran balik ansuran bermula pada 1 April 2018. Nilai hibah semasa *present value* adalah mengambil kira 4% kadar hibah pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) yang diuruskan oleh SKM. Pinjaman Qardul Hasan ini telah dibuat penyelesaian penuh pada tahun kewangan 2021. Berikut adalah ringkasan tempoh pembayaran balik:

	IKMa		<b>Seperti Yang Dinyatakan Semula</b>
	2021 RM	2020 RM	
Pembayaran Balik Pinjaman Tidak Bercagar:			
Baki Pada 1 Januari	2,125,300	4,219,557	
Pembayaran Balik Pinjaman	-2,125,300	-2,200,000	
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan (5 tahun)	-	105,743	
	<b>-</b>	<b>2,125,300</b>	

## **11. PINJAMAN QARDUL HASAN (SKM) (Sambungan)**

	<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
<b>Pembayaran Balik Pinjaman Tidak Bercagar:</b>		
<b>(A) Tidak lewat daripada 1 tahun</b>		
Pelunasan Pinjaman	-	1,106,000
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	-	(43,350)
	<hr/>	<hr/>
	<b>-</b>	<b>1,062,650</b>
<b>(B) Lewat daripada 1 tahun dan tidak lewat daripada 5 Tahun</b>		
Pelunasan Pinjaman	-	1,106,000
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	-	(43,350)
	<hr/>	<hr/>
	<b>-</b>	<b>1,062,650</b>
<b>Nilai Semasa Aliran Tunai Masa</b>		
<b>Hadapan Pinjaman Tidak Bercagar (A + B)</b>		
	<hr/>	<hr/>
	<b>-</b>	<b>2,125,300</b>

## **12. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH**

	<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
<b>a) Pembangunan</b>		
Baki pada 1 Januari	16,876,722	17,172,145
Pelunasan Tahun Semasa	(279,132)	(295,423)
Baki Pada 31 Disember	<hr/>	<hr/>
	<b>16,597,590</b>	<b>16,876,722</b>
<b>b) Amanah</b>		
Baki pada 1 Januari	1,237,583	853,872
Peruntukan Tahun Semasa	140,565	715,027
Pelunasan Tahun Semasa	(366,950)	(331,316)
Baki Pada 31 Disember	<hr/>	<hr/>
	<b>1,011,198</b>	<b>1,237,583</b>
<b>Jumlah</b>		
	<hr/>	<hr/>
	<b>17,608,788</b>	<b>18,114,305</b>

**12. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)**

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Geran Pembangunan**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b><u>Penyata Pendapatan</u></b>		
<b>Geran pembangunan dilunaskan:</b>	279,132	295,423
<b><u>Perbelanjaan</u></b>		
Belanja Program Penyelidikan dan Konsultasi	(29,199)	(32,842)
Susut nilai	(249,933)	(262,581)
<b>Lebihan tahun semasa (A)</b>	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
<b><u>Geran Tertunda</u></b>		
<b>Baki pada 1 Januari</b>	16,876,722	17,172,145
<b>Tambah:</b>		
Geran pembangunan dilunaskan	(279,132)	(295,423)
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	(279,132)	(295,423)
<b>Baki pada 31 Disember (B)</b>	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>	<hr/> <hr/> <hr/> <hr/>
<b>Jumlah Baki Kumpulan Wang Pembangunan (A + B)</b>	<b>16,597,590</b>	<b>16,876,722</b>

## 12. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Geran Pembangunan Mengikut Projek**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b>a) Bangunan MKM PJ</b>		
Baki pada 1 Januari	14,154,054	14,390,983
Geran Pembangunan Dilunaskan	(236,929)	(236,929)
Baki pada 31 Disember	<b>13,917,125</b>	<b>14,154,054</b>
<b>b) Program Pembangunan Sumber Manusia</b>		
Baki pada 31 Disember	<b>40,797</b>	<b>40,797</b>
<b>c) Program Penyelidikan dan Konsultasi</b>		
Baki pada 1 Januari	2,028,599	2,061,441
Geran Pembangunan Dilunaskan	(29,199)	(32,842)
Baki pada 31 Disember	<b>1,999,400</b>	<b>2,028,599</b>
<b>d) Pengurusan ICT</b>		
Baki pada 1 Januari	610,837	636,489
Geran Pembangunan Dilunaskan	(13,004)	(25,652)
Baki pada 31 Disember	<b>597,833</b>	<b>610,837</b>
<b>e) Program Pembangunan Koperasi</b>		
Baki pada 1 Januari / 31 Disember	<b>42,435</b>	<b>42,435</b>
<b>Jumlah</b>	<b>16,597,590</b>	<b>16,876,722</b>

**12. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)**

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Geran Amanah**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

	MKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b>Baki pada 1 Januari</b>	1,237,583	853,872
<b>Tambah:</b>		
Terimaan Tahun Semasa	140,565	715,027
Perbelanjaan Tahun Semasa	(366,950)	(331,316)
(Kurangan) / Lebihan Tahun Semasa	(226,385)	383,711
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,011,198</b>	<b>1,237,583</b>

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Geran Amanah Mengikut Projek**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021**

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b>a) Program MTCP</b>		
Baki pada 1 Januari	8,134	8,134
Terimaan Tahun Semasa	72,080	-
Perbelanjaan Tahun Semasa	(18,650)	-
Baki pada 31 Disember	<b>61,564</b>	<b>8,134</b>
<b>b) Akaun Pelajar</b>		
Baki pada 31 Disember	<b>104,296</b>	<b>104,296</b>

## 12. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)**  
**Penyata Prestasi Kewangan Geran Amanah Mengikut Projek**  
**Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2021 (Sambungan)**

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b>c) Akaun Pinjaman i-MKM</b>		
Baki pada 1 Januari	606,349	697,482
Terimaan Bayaran Balik Biasiswa	63,922	11,045
Lain - lain Terimaan	4,563	3,982
<b>Perbelanjaan Tahun Semasa;</b>		
Penyaluran Dana Pinjaman/Biasiswa	-	(106,048)
Elaun SLKK	-	-
Bayaran Caj ke Bank Rakyat	-	(112)
Baki pada 31 Disember	<b>674,834</b>	<b>606,349</b>
<b>d) Geran Taska</b>		
Baki pada 1 Januari	-	43,960
Terimaan Tahun Semasa	-	-
Perbelanjaan Tahun semasa	-	(43,960)
Baki pada 31 Disember	-	-
<b>e) Perasmian Kolej Icoop</b>		
Baki pada 1 Januari	300,000	-
Terimaan Tahun Semasa	-	300,000
Perbelanjaan Tahun semasa	(300,000)	-
Baki pada 31 Disember	<b>300,000</b>	<b>300,000</b>
<b>f) Program Keusahawanan Koperasi (PENJANA)</b>		
Baki pada 1 Januari	218,804	-
Terimaan Tahun Semasa	-	400,000
Perbelanjaan Tahun semasa	(48,300)	(181,196)
Baki pada 31 Disember	<b>170,504</b>	<b>218,804</b>
<b>Jumlah</b>	<b>1,011,198</b>	<b>1,237,583</b>

**13. MANFAAT PEKERJA**

	<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
a) <b>Peruntukan Manfaat Persaraan GCR</b>		
Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan	458,982	3,231
Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan	2,473,404	2,537,064
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>2,932,386</b>	<b>2,540,295</b>
b) <b>Peruntukan Manfaat Kesihatan Kakitangan</b>		
Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan	50,000	-
Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan	496,910	532,325
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>546,910</b>	<b>532,325</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3,479,296</b>	<b>3,072,620</b>
<b>Peruntukan tidak melebihi tempoh 12 bulan</b>	<b>508,982</b>	<b>3,231</b>
<b>Peruntukan melebihi tempoh 12 bulan</b>	<b>2,970,314</b>	<b>3,069,389</b>
	<b>3,479,296</b>	<b>3,072,620</b>

**Penyata Kedudukan Manfaat Kakitangan**

	<b>IKMa</b>	
	<b>2021 RM</b>	<b>2020 RM</b>
a) <b>Peruntukan Manfaat Persaraan GCR</b>		
Baki pada 1 Januari	2,540,295	2,239,267
Peruntukan Tahun Semasa	395,322	379,064
Pelunasan Tahun Semasa	(3,231)	(78,036)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>2,932,386</b>	<b>2,540,295</b>
b) <b>Peruntukan Manfaat Kesihatan Kakitangan</b>		
Baki pada 1 Januari	532,325	506,275
Peruntukan Tahun Semasa	14,585	26,050
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>546,910</b>	<b>532,325</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3,479,296</b>	<b>3,072,620</b>

## 14. DANA REZAB

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	2,796,408	1,927,917
Peruntukan Tahun Semasa	-	868,491
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>2,796,408</b>	<b>2,796,408</b>

Pihak Lembaga IKMa melalui Mesyuarat Lembaga Bil.2.2021 pada 21 Jun 2021 telah meluluskan peruntukan Dana Rezab Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2021 sebanyak 100% daripada sumber pendapatan dalaman IKMa.

## 15. YURAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Yuran Pengajian-Ijazah dan Diploma (Jangka Panjang)	142,918	505,156	-	-
Yuran Pendaftaran Kursus dalam (Jangka Pendek)	127,495	320,068	127,495	320,068
Master Debit Card	-	900,000	-	-
	<b>270,413</b>	<b>1,725,224</b>	<b>127,495</b>	<b>320,068</b>

## 16. PELBAGAI TERIMAAN

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pelbagai Penerimaan	891,048	72,347	49,471	50,018
Jualan Bahan Bercetak	480	3,565	480	3,565
Bayaran perkhidmatan pinjaman Kenderaan & Komputer	9,616	6,585	9,616	6,585
	<b>901,144</b>	<b>82,497</b>	<b>59,567</b>	<b>60,168</b>

**17. KOS KAKITANGAN**

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
<b>Gaji dan Emolumen:</b>				
Gaji dan upah	11,451,266	10,502,275	9,832,680	9,554,497
Elaun Tetap	2,595,749	2,595,309	2,585,191	2,595,309
Elaun Lebih Masa	36,357	44,633	36,357	44,633
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	520,098	275,489	265,086	275,489
<b>Skim Sumbangan Ditakrifkan:</b>				
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,617,021	1,646,838	1,617,021	1,646,838
	<b>16,220,491</b>	<b>15,064,544</b>	<b>14,336,335</b>	<b>14,116,766</b>
<b>Bilangan kakitangan pada akhir tahun (orang)</b>	<b>224</b>	<b>226</b>	<b>205</b>	<b>205</b>

**18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN**

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		<b>Seperti Yang Dinyatakan Semula</b>		<b>Seperti Yang Dinyatakan Semula</b>
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	503,414	793,941	462,032	793,941
Pengangkutan Barang	3,240	5,134	3,240	5,134
Perhubungan dan Utiliti	1,110,059	927,531	742,083	927,531
Sewaan	4,005,461	1,838,121	1,854,206	1,838,121
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	37,926	17,322	37,926	17,322
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk				
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	64,358	110,989	64,358	110,989
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	468,853	824,381	468,853	824,381
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,726,177	2,189,839	2,323,453	2,189,839
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan				
Dibeli dan Hospitaliti	6,818,772	5,004,046	6,818,772	5,004,046
Perbelanjaan Geran Pembangunan	29,199	32,842	29,199	32,842
Belanja Pentadbiran	905,649	1,178,196	-	-
	<b>16,673,108</b>	<b>12,922,342</b>	<b>12,804,122</b>	<b>11,744,146</b>

## 19. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pemberian Dalam Negeri	13,738	6,683	13,738	6,683
Cukai tanah, cukai pintu premium dll	313,932	508,843	276,630	367,895
Nilai Semasa Aliran Tunai Masa Hadapan				
Pinjaman Qardhul Hasan	86,699	143,742	86,699	143,742
	<u>414,369</u>	<u>659,268</u>	<u>377,067</u>	<u>518,320</u>

## 20. PENDEDAHAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah IKMa adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam merangka dan mengawal dasar ke atas semua aktiviti Kumpulan dan IKMa manakala pengurusan tertinggi terdiri daripada Ketua Pengarah dan Timbalan yang merupakan penggerak utama dalam memastikan setiap dasar atau aktiviti yang dirangka dapat dilaksanakan. Ganjaran kepada Lembaga Pengarah IKMa dan Pengurusan Tertinggi IKMa adalah seperti berikut;

	IKMa	
	2021 RM	2020 RM
Seperti Yang Dinyatakan Semula		
Lembaga Pengarah IKMa	559,909	512,506
Pengurusan Tertinggi IKMa	409,540	290,197
	<u>969,449</u>	<u>802,703</u>

## 21. INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Objektif dan Polisi Risiko Pengurusan Kewangan

Kegiatan IKMa terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan memaksimumkan pulangan kepada IKMa.

### (b) Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Ahli Lembaga sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

## 21. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

### (c) Risiko Kredit

Risiko kredit, atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama IKMa dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan IKMa. IKMa tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan.

### (d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

IKMa mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan. Profil kematangan liabiliti kewangan IKMa pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak seperti jadual di bawah :

	KUMPULAN		IKMa	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pelbagai Pembiayaan	3,718,251	1,382,984	350	36,666
Lain-lain yang belum dibayar	6,500,848	5,262,761	6,500,848	4,991,866
<b>Jumlah</b>	<b>10,219,099</b>	<b>7,095,745</b>	<b>6,501,198</b>	<b>5,028,532</b>

#### Kurang 12 Bulan:

Pelbagai Pembiayaan	3,718,251	1,382,984	350	36,666
Lain-lain yang belum dibayar	6,500,848	5,262,761	6,500,848	4,991,866
<b>Jumlah</b>	<b>10,219,099</b>	<b>7,095,745</b>	<b>6,501,198</b>	<b>5,028,532</b>

### (e) Risiko Kadar Hibah

Kumpulan dan IKMa meminimumkan pendedahan kepada risiko kadar hibah ke atas penempatan deposit tetapnya dengan tidak berurusniaga dalam mana-mana pertukaran kadar hibah.



## 21. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

### (e) Risiko Kadar Hibah (Sambungan)

#### Pendedahan Kepada Risiko Kadar Faedah;

Profil kadar hibah instrumen kewangan menanggung faedah ketara Kumpulan dan IKMa, berdasarkan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

KUMPULAN		IKMa	
2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM

#### Instrumen Kadar Tetap

##### Aset Kewangan:

Deposit Dengan Bank Berlesen	<u>4,959,698</u>	<u>14,874,622</u>	<u>4,900,000</u>	<u>14,700,00</u>
------------------------------	------------------	-------------------	------------------	------------------

#### Analisis Kepakaan Nilai Saksama Bagi Instrumen Kadar Tetap :

IKMa tidak mengambil kira bagi sebarang aset dan liabiliti kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, perubahan dalam kadar hibah pada akhir tempoh tidak akan menjelaskan penyata pendapatan dan perbelanjaan

Maklumat berkenaan perubahan dalam kadar hibah pada akhir tahun adalah seperti berikut ;

Instrumen	2021		2020	
	Kadar Hibah Berkesan %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM	Kadar Hibah Berkesan %	Dalam Tempoh 1 Tahun RM

##### Kadar Tetap

##### Aset Kewangan:

Deposit Dengan Bank Berlesen	<u>3.40</u>	<u>4,900,000</u>	<u>3.40</u>	<u>14,700,000</u>
---------------------------------	-------------	------------------	-------------	-------------------

### (f) Nilai Saksama

Pada pandangan Ahli Lembaga, tiada perbezaan penting antara nilai saksama dengan nilai buku bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan oleh sebab tempoh matang jangka pendek instrumen kewangan tersebut.



# PROSPEK MASA HADAPAN

# PENUBUHAN PEJABAT CAWANGAN BAHARU

Ketika ini, IKMa turut mempunyai 6 pejabat Zon iaitu Zon Sarawak, Zon Sabah, Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, dan Zon Selatan. Dalam usaha IKMa memperluaskan penyampaian latihan dan strategi mendekati Koperasi di seluruh Malaysia, IKMa mengorak langkah kehadapan dengan menubuhkan pejabat cawangan baharu. Pejabat-pejabat cawangan ini terdiri daripada: -

- i. IKMa Zon Timur – Cawangan Kuala Terengganu
- ii. IKMa Zon Tengah – Cawangan Ipoh
- iii. IKMa Zon Sarawak – Cawangan Miri
- iv. IKMa Zon Sabah – Cawangan Tawau

IKMa telah mengenal pasti lokasi bangunan yang berpotensi dan strategik bermula pada Oktober 2021 dan seterusnya kerja-kerja pengubahsuaian bangunan akan dibuat terlebih dahulu. Pejabat cawangan Kuala Terengganu dan Ipoh dijangka akan

mula beroperasi pada suku ke-2 tahun 2022, manakala cawangan Miri dan Tawau pula pada suku ke-4 tahun 2022. Buat permulaan, pejabat-pejabat cawangan ini akan beroperasi dengan diketuai oleh Ketua Cawangan, seorang pegawai latihan dan seorang kakitangan sokongan.

## PELAN ANTIRASUAH IKMa (PARa-IKMa 2022-2026)

OACP (Pelan Anti rasuah Organisasi) merupakan dokumen antirasuah di peringkat agensi bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam IKMa. Pelan Anti rasuah IKMa atau PARa-IKMa 2022-2026 dibangunkan selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP), berdasarkan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkuatkannya Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Dalam Sektor Awam



PARa-IKMa 2022-2026 yang dibangunkan bagi jangka masa 5 tahun ini bertujuan untuk memastikan warga IKMa mendukung aspirasi dan agenda nasional kerajaan dalam membentras perilaku gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap individu. Keruntuhan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam akan menjelaskan imej dan keyakinan masyarakat terhadap agensi awam.

Visi PARa-IKMa 2022-2026 adalah **“Ke arah Institusi Berintegriti dan Bebas Rasuah”** melalui dua(2) Misi yang telah ditetapkan iaitu:-

- Meningkatkan akauntabiliti dan kecekapan melalui tadbir urus yang baik dan berkesan.
- Membudayakan amalan nilai murni dalam kalangan warga IKMa

Pelan ini menggariskan empat(4) bidang keutamaan yang memayungi 12 objektif strategik dan 111 inisiatif secara keseluruhan. PARa-IKMa 2022-2026 telah menggariskan 4 aktiviti dan bidang keutamaan yang terdedah kepada rasuah, masalah pelanggaran integriti dan tadbir urus iaitu:

- I. Tadbir Urus
- II. Khidmat Pengurusan Dan Pentadbiran
- III. Kewangan Dan Perolehan
- IV. Pembangunan Modal Insan Koperasi

Setiap inisiatif yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan pelaksanaannya maka aspek-aspek seperti pengukuhan nilai-nilai integriti, penambahbaikan sistem penyampaian selaras dengan keperluan teknologi semasa, perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu diberi perhatian serius.

Setiap inisiatif yang dibangunkan dalam PARa-IKMa 2022-2026 ini terhasil daripada



sesi perbincangan dan sumbang saran semasa Bengkel Pembangunan OACP yang disertai oleh Jawatankuasa OACP IKMa.

Aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) IKMa bagi memantau prestasi pelaksanaannya sehingga tahun 2026. PARa-IKMa 2022-2026 ini akan menjadi panduan terbaik untuk meningkatkan imej IKMa sebagai sebuah Agensi yang berintegriti dan bebas rasuah.

### **PELAN INDUK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA 2023-2025**

Sumber manusia telah dikenal pasti sebagai salah satu elemen penting dalam merealisasikan **Pelan Strategik IKMa** di mana pelan ini memberi penekanan kepada pembangunan modal insan sebagai satu komponen ke arah menjadikan IKMa sebagai **Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi Yang Unggul**.

Penghasilan Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) IKMa ini adalah berpandukan sumber utama daripada Pelan Strategik Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Tahun 2022-2026 dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) iaitu melalui penerbitannya khusus kepada semua Pengurus Sumber Manusia Perkhidmatan Awam iaitu **Kerangka Hala Tuju**



## Strategik Pengurusan Sumber Manusia

**Perkhidmatan Awam.** Bagi memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia adalah selaras dan menyokong pencapaian hala tuju IKMa, maka Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia telah digubal dengan menetapkan visi dan misi pengurusan sumber manusia yang ingin dicapai.

Pelan ini juga mengambil kira isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sumber manusia masa kini serta harapan pemegang taruh dan warga kerja IKMa. Antara isu yang diberi tumpuan dalam pelan ini adalah pengambilan dan penempatan, perancangan sumber manusia setiap warga kerja, pembangunan organisasi, perhubungan majikan dengan pekerja dan sistem maklumat dalaman yang berkesan.

## PROGRAM IKMa SEMPENA SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI

- Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi
- Majlis Malam Jalinan Mesra Bersama 100 Koperasi Terbaik
- Pelancaran UKKM
- Seminar Kisah Kejayaan Koperasi Dan Perkongsian Pengalaman
- Program Memasyarakatkan Koperasi (MasKop)- 30 Lokasi Seluruh Negara
- Konvensyen Keusahawanan Koperasi
- Pertandingan Pidato Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan
- Penerbitan Buku 100 Tahun Koperasi
- Kuiz Koperasi
- Program CSR 100 Tahun Koperasi
- Forum Perdana 100 Tahun Koperasi
- Pocket Talk Koperasi

## PROSPEK

### Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia

Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) merupakan universiti swasta yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang diterajui Institut Koperasi

Malaysia (IKMa) melalui UKKM Education Sdn. Bhd. Matlamat utama penubuhan UKKM adalah untuk menubuhkan sebuah universiti yang berteraskan keusahawanan dan pengurusan koperasi bagi meningkatkan pembangunan profesionalisme modal insan koperasi selaras dengan hasrat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi mewujudkan universiti berkebitaraan keusahawanan dan pengurusan koperasi terunggul di Malaysia khasnya.

Keunikan universiti ini adalah UKKM akan menjadi satu-satunya peneraju dalam pembangunan modal insan intelek yang memiliki pengetahuan yang komprehensif dalam bidang keusahawanan koperasi bagi mendokong Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dan Pelan Transformasi Koperasi (TransKoM) bidang tujuan 3 dalam teras strategi iaitu Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Modal Insan. Selaras dengan itu, UKKM berhasrat menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi swasta yang terbaik di negara ini dan juga juga di peringkat antarabangsa dalam melahirkan lebih ramai modal insan holistik bercirikan pengurusan dan keusahawanan koperasi di Malaysia.

Proses penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia ini dilaksanakan mengikut kriteria serta garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. UKKM kini telah melantik beberapa pakar rujuk bagi membantu pembangunan proses penubuhan dan penetapan kriteria sebuah universiti yang menepati kehendak kementerian berkaitan dan industri selari dengan keperluan semasa dan akan datang.

Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia dijangkakan mendapat kelulusan untuk beroperasi daripada pihak JPT pada awal tahun 2023 dan akan mula beroperasi dengan menawarkan 15 program akademik bermula daripada peringkat diploma hingga ijazah kedoktoran (PhD).